"...macam ni lah anak muda, mesti berani. buat apa duduk kat kampung aje. bagus,...bagus!" *-Pak Cik Polis, dipetik dari Filem "Dari Jemapoh Ke Manchestee".*

satu lagi produksi DIY daripada
Papakerma Bulai
records and distribution

darah muda.isu pertama.mac 2002.

variasi pemikiran anak muda.politik.muzik.hiruk pikuk kehidupan.
ianya tentang apa itu kebebasan bersuara sebenarnya.
nilai cetakan kertas : Rm 2.
belilah, lebih berfaedah daripada majalah mangga.
[notis zahir : ini bukan zine emo.]

"...kalau kamu bercakap, kamu mampus,
kalau kamu senyap, kamu mampus,
lebih baik bercakap dan mampus..."

- **Tahar Djaout,** pemuisi Algeria





Intro ringkas Kenapa '**Darah Muda**'?. Ini persoalan yang terlalu kompleks untuk dijawab. Darah Muda tidak menjanjikan apa-apa yang istimewa, cuma ianya digarap dengan sebegini rupa dan harap-harap ianya memberi satu kelainan bagi kalian semua yang membacanya. Variasi isu yang di utarakan menjadi simbol kepada perkembangan minda di dalam berfikir. Juga dengan harapan agar ianya menjadi satu suntikan keintelektualan dan ilmu kepada yang membacanya. Walau apa sekalipun, semua isi kandungannya di persembahkan dengan cara yang lebih santai dan mudah. Siapa sahaja boleh melibatkan diri, tidak kira apa juga pengkhususan;- penulisan, gambar, seni, muzik, filem, dan sebagainya. Semuanya terletak ditangan **ANDA**!.

p/s: Mungkinkah frasa yang terakhir itu dapat menjawab soalan 'kenapa' diawal intro tadi?

Selamat Membaca.
Firdaus.

Kandungan

-temubual bersama kugiran old school hardcore laju dari Michigan, BLOODPACT
-emo ganas bersama COSTA'S CAKE HOUSE dari Jerman
-temuramah bersama kugiran grindcore dari Yogyakarta, ATRET
-rangkuman artikel menarik daripada kolumnis-kolumnis jemputan
-prebiu muzik dan keluaran-keluaran terkini
-dan lain-lain.

>> e d i t o r i a l

myheartspeaks@terato.com

D A R A H M U D A 'bukan fanzine sebenarnya walaupun nampak macam fanzine'. Pelik ke ayat tu? Hehe. Darah Muda bagi aku adalah manifestasi yang terbit atas dasar frustasi, yang mana jika kamu semua perasan aku pernah menghasilkan sebuah newsletter dahulu, namanya *A Piece Of Peace*. Sekarang benda tu dah tiada lagi. Dan itulah frustasi yang aku maksudkan. Ramai yang tertanya-tanya, apa kejadah ni aku itu ditamatkan sebegitu. Aku sebenarnya dah separuh jalan untuk mengeluarkan isu terakhir, itupun dipaksa rakan-rakan namun penerbitannya pula yang tersangkut di bahagian teknikal. Sebenarnya, aku tamatkan ni aku itu kerana aku *fed-up* dengan maklum balas dari kamu semua (hah, escapisme lagi!). Aku buat ni tu dengan tujuan mulanya untuk bertukar pendapat dan fikiran secara terus dengan pembaca. *A Piece Of Peace* itu aku buat bukan semata-mata untuk terjun dalam dunia 'glamour' hardcore punk. Bukan untuk mendapat pujian tersohor dalam setiap *review* dalam zine-zine lain. Tidak langsung. Aku sebetulnya mengharapkan sesuatu yang dapat aku kongsi, iaitu ilmu, dan kemudian aku boleh kasi tahu dengan orang lain, maknanya ilmu itu boleh berkembang. Aku bukan mahu membebel suruh orang buat itu dan ini, tunjuk yang ini betul dan yang itu salah. Aku cuma mahu sekurang-kurangnya kawan-kawan diluar sana dapat berfikir. Dan terima kasih dan syukur jika ada yang mendapat 'sesuatu'daripadanya. Sesuatu yang bersifat kesedaran (*concern*) itu adalah terlalu mahal harganya untuk dibayar dengan harga kos percetakan ni aku dulu yang aku rasakan tidaklah seberapa sangat (itu pun aku edarkan secara *'free of charge'* dan dengan bantuan kawan-kawan). Aku cakap ni bukan kerana tiada seorang pun yang memberi maklum balas, bukan. Ada tu memang ada. Terima kasih kepada semua yang menghantar surat, cukup banyak sekali. Tapi terus-terang aku nyatakan disini yang ianya tak banyak yang dapat membantu. Apapun, terima kasih kepada Maden dan Abira yang memberi maklum balas yang kecil namun cukup mengesankan. Untuk isu ini, aku bawakan 3 siri temuramah iaitu dgn kugiran Old School pantas dari Michigan, US (Bloodpact), kugiran grinding hc punk dari Yogyakarta, (Atret)-dgn Atret ini nyaris-nyaris aku bakulsampahkan!,



"mahu bersikap Intelektual bukan bermaksud mahu menjadi elit" - *Shaifudin Mamat*





PAPAKERMA Butai.
(records & distribution)

mempersembahkan PR01 :

Chenta Tiada Restu

"turning the dream into reality"
kaset demo rehearsal

kualiti bunyi yang agak baik walaupun dengan budget ciput, semuanya dirempah ratuskan sekaligus: emo menjerit, grind, irama punk kejam dan sedikit sentuhan "pop", kugiran dari Alor Setar ini bakal membakar emosi anda dengan lirik-lirik puitis, positif, bersemangat dan pro aktif, ayuh, bersemangatlah hadapi hidup dan perjuangan wahai teman!

dapatkan dengan RM 3 dari:

PAPAKERMA Butai,
c/o Ahmad Nazier,
237, Jalan A2,
Taman Melawati, 53100
Kuala Lumpur, Malaysia.
butai@papakerma.cjb.net
http://www.papakerma.cjb.net

atau mana-mana pengedar / distro yang terpilih, dapatkan sekarang!

> "...tidaklah rasional jika golongan ini menganggap mereka sebagai elit agama, maksum dan tidak boleh dikritik..."

...dari bersambung #2 bantahan mereka kepada Majlis Raja-Raja yg didalamnya merayu majlis untuk menghukum para kolumnis mingguan akhbar *The Sun* dan *The New Straits Time* seperti Farish A.Noor dan Akbar Ali yg dikatakan telah menghina dan memperlekehkan golongan Ulama. Ironinya, Harakah pula tampil mengulas isu tersebut secara kontra terhadap PUM melalui ruangan *English Section*nya. Abaikan mengenai semua itu, saya sebenarnya tertarik dengan konsep kepimpinan Ulama, kepimpinan yg berasaskan pegangan agama yang menganjurkan satu kehidupan masyarakat yang harmonis dan terkawal. Namun, tidaklah rasional jika golongan ini menganggap mereka sebagai elit agama, maksum, dan tidak boleh dikritik. Tapi jangan pula menganggap mereka ini sebagai kampungan dan pemikiran mereka tidak selari dengan pemikiran politik arus modenan. Sejarah telah membuktikan bahawa Iran 'gagal' sebenarnya dalam Revolusi Islam mereka setelah Imam Ayatollah Ali Khomeini yg menginfluens massa untuk bersama revolusi telah menyerahkan pentadbiran negara kepada mereka² yg tidak arif dengan pembinaan ummah yg menepati kehendak Revolusi Islam, tambahan pula mereka juga bukan dari kalangan ulama. Terdapat juga definisi mengenai ulama itu sebenarnya ialah orang yang pakar, arif dan alim dalam ilmu agama dan ketuhanan, namun apabila ulama itu bergelumang dalam politik, ianya agak sukar untuk dipredriksikan sebagai ulama lagi kerana ucapannya bukan lagi sebagai ucapan agama, tapi ucapan politik yang digunakan untuk mempertahankan imej politiknya. Tapi bunyinya memang berkait rapat dengan sekularisme. Itu yang dimainkan oleh pemerintah. Macam-macam kekeliruan, apa lagi setelah melibatkan pernodaan mengenai kebenaran oleh media massa. Yang dimangsakan ialah rakyat, orang-orang biasa yang kekadang tidak ambil pusing pun apa yang dihebohkan sebenarnya. Dan akhirnya masyarakat jadi keliru, tak tahu membezakan yang mana yang betul dan yang mana yang salah. Teringat saya pada satu peristiwa dimana seorang rakan saya menghadiri satu majlis penerangan politik Umno kepada orang-orang Cina di Kelantan. Bila sampai pada satu sesi soal jawab, bangun seorang lelaki berbangsa Cina untuk mengajukan soalan pada ahli panel. Dia bertanya "Orang Umno pakai Quran mana? Orang PAS pakai Quran mana?". Lucu bukan?. Jelas disitu rakyat sudah sampai kepada satu tahap muak dengan permainan politik negara. Tidak apa-apa pun sebenarnya ulasan ini, cuma mendiskusikan secara bebas tentang peranan 'ulama';- golongan yang semakin diperdebatkan tentang kerelevanan mereka dalam memimpin politik masyarakat di Malaysia lewat ini.

> "...Orang Umno pakai Quran mana? Orang PAS pakai Quran mana?..."

"malam ini al-quds menangis". Baitulmaqdis masih dilanda konflik yang tidak ketahuan. Resistensi panjang Intifada sejak Ogos 2000 semakin memuncak akhir-akhir ini setelah pertikaian mengenai pemilikan tanah oleh pendatang yahudi membakar api amarah rakyat Palestin. Arafat terkepung di Ramallah, dengan kereta kebal rejim zionisme Sharon mengawal ketat pemimpin nasionalis Arab itu. Semakin banyak serangan berani mati, dan bukan setakat Hizbullah dan Hamas sahaja yang bertindak begitu, bahkan kumpulan-kumpulan pembebasan lain seperti Barisan Popular Pembebasan Palestin dan yang lain-lain juga menggunakan cara yang sama. Zionis semakin terdesak sehinggakan terpaksa menyerang perkampungan-perkampungan Palestin dengan kereta kebal dan helikopter tempur mereka. Dari pandangan saya, pencerobohan oleh pendatang yahudi kedalam kawasan tanah yang dimiliki oleh orang Palestin sebagai 'pencerobohan tentera' dan ini mesti ditentang habis-habisan. Apa rasionalnya saya berkata begini?. Buktinya, rakyat Israel itu sendiri adalah tentera simpanan, setiap warganegara dilatih menggunakan senjata dan mereka yang dewasa semuanya dimasukkan kedalam *National Service*. Walaupun mereka tidak memakai pakaian celoreng tentera, tapi hakikatnya mereka adalah alat perang juga. Ini boleh mengancam kebebasan rakyat Palestin. Hari ini kita dengar tentang pengebom berani mati, esok pula kita dengar tentang askar zionis menembak secara rambang di pasar Palestin. Dan bermulalah perang, maka adalah pelarian. Siapa lagi yang akan menjadi pelarian? Rakyat Palestinlah. Mereka tertindas dan mereka tiada senjata. Rakyat Israel sendiri itu tentera dan mereka ada kekuatan sekuriti. Dan saya tak mahu dengar lagi pembunuhan beramai-ramai ala Shabra Shatila yang kedua. KABOOM! - Firdaus.



Email: darahmuda@hotmail.com.

> "...pencerobohan oleh pendatang yahudi kedalam kawasan tanah yang dimiliki oleh orang Palestin sebagai 'pencerobohan tentera' dan ini mesti ditentang habis-habisan..."

...bersambung isu #2!

>>Tips utk menjadi seorang yg Politikal.

Penulis: Pidaos
myheartspeaks@terato.com.

"Kalau kamu bercakap, kamu mampus. Kalau kamu senyap, kamu mampus. Lebih baik bercakap dan mampus"- Tahar Djaout, pemuisi Algeria. Terkedu seketika semasa aku menjumpai mutiara kata-kata keramat ini didalam sebuah buku. Ianya nampak begitu menarik perhatian, lalu terus aku berkeputusan untuk mngabadikan pula kata-kata Syeikh Tahar Djaout ini pada muka depan Darah Muda ini. Entah, semenjak dua menjak ini fikiran dirasakan berlegar-legar di kamar permainan hari-hari dewasa ini, berlegar dengan konflik "aku cakap, aku buat". Tak payah jauh-jauh difikirkan mengenai hal-hal yang lebih besar, cukup sahaja dengan apa yang dilalui didalam sehari kehidupan. Kadang-kadang aku jadi teragak-agak untuk berterus-terang, bercakap tentang sesuatu kepada sesetengah orang atas sebab aku ingin menjaga hati dan tak mahu hubungan baik terjejas jika aku berterus-terang. Ah, mungkin aku terlalu penyabar. Bercerita tentang kehidupan ini, teringat pada kawan-kawan lama di Kota Bharu dulu. Teringat pada saat-saat manis di *Parking Stall*, lepak sambil berbual tentang bermacam perkara, bertukar-tukar stuff, gelak ketawa bila sesuatu yang melucukan timbul sambil mak cik gerai yang dipanggil 'Ma' itu menghidang air sirap free dan kuih-kuih yang tidak habis. Dan sekarang semuanya hilang begitu sahaja, berapa ramai yang sudah berambus masing-masing merantau untuk belajar. Tinggal aku sahaja yang termanggu terkenang semuanya dan malam ini, aku berhajat mahu turun ke Kota Bharu untuk mengambil keputusan peperiksaan. Kalau bagus beritanya esok, mungkin lepak sampai senja di Padang Bas sambil berbual-buai kegirangan. Kalau sebaliknya, mungkin aku ajak Nazier *jamming* lagu dikir barat di gahagi Studio. Hm, kejap lagi pergi kedai photostat, cetak sebanyak yang boleh zine ini. Aku beransur dahulu. Pukul 11 karang bas dah nak bertolak. Adios Prontos. Abaikan tajuk artikel ini. © 2602002.

dan juga kugiran emo power violence dari Jerman, Costa's Cake House. Juga bacalah rangkuman penulisan para kolumnis independen jemputan yg tidak dibayar royalti pun yg membicarakan mcm-mcm isu (juga menulis ikut sedap perut, haha!). Tak lupa juga belek-beleklah pada ruangan prebiu yg aku rasa ada produk-produk DIY yg aku prebiukan jarang-jarang dapat didengar. Untuk makluman, aku meminta maaf byk-byk kerana zine ini TIADA alamat surat-menyurat. Mmg tindakan ini nampak bangang, tapi aku buat ini kerana tak mau menyusahkan org lain. Ini kerana aku tiada alamat tetap. Dulu aku belajar saja di Kota Bharu. Itu pun dah 2 kali aku tukar alamat kerana masalah peribadi dgn tuan punya alamat dan masalah rip-off. Sampaikan ada yg merungut kata aku kaki rip-off. Gila!. Mmg kes naya, tapi aku tiada kemampuan utk menolong. Aku dpt balas surat-surat yg dpt ke tangan aku sahaja. Mungkin fasal kes surat pun boleh jadi itu sebab aku hentikan *A Piece Of Peace*. Untuk terus berkomunikasi (ia amat penting), sila gunakan alamat e-mel, itu pun aku rasa lebih mudah dan cepat kerana aku selalu periksa kotak mel aku. Segala kritikan, pendapat, pujian, wang ihsan dan sebagainya sila terus gunakan e-mel aku itu. Aku rasa penjelasan ini dapat menjawab 'misteri' kenapa nl aku tiba-tiba ditamatkan. Ok, berbalik fasal DARAH MUDA, sebenarnya aku tak menyangka yg zine ini boleh dikatakan 'banyaklah juga' mengenai muzik. Aku tak sangka pula yg aku dah i/w 3 kugiran. Tapi janganlah fanatik sgt dgn muzik, dengan interbiu itu semua adalah kerana aku meminati kugiran-kugiran tersebut, bukan sekadar main tangkap muat asalkan zine ada interbiu. Juga yang paling penting pendapat dan perkongsian idea dengan mereka-mereka ini. Tapi serius, aku memang tak puas hati dengan jenis soalan yang aku tanyakan, nampak gaya aku macam lorat sangat sebab mulanya aku jangkakan zine aku ini terbit lebih awal. Tapi aku rasa cukuplah apa yang ada ini untuk isu permulaan. Untuk isu seterusnya aku akan buat lebih baik lagi. Mulanya aku ingatkan aku lebih suka DARAH MUDA berkonsepkan zine diskusi dan perbincangan dgn variasi isu yg diutarakan. Aku suka sgt zine mcm Sadis, A Dream?, Dogged dan lain-lain. DARAH MUDA tidak mahu secara tipikal membincangkan mengenai (asyik-asyik) Straight Edge lah, Abortion lah, Homophobic lah, Vegan lah, Nazi lah, Pro-Choice lah, Pro-Life lah, semi-pro lah dan macam-macam 'lah' lagi yg selalu dok di ulang-ulang sampai naik keras taik telinga. Bukannya apa, pi mai-pi mai akhir sekali perkataan 'hak individu' juga yg disebut. Cuba kita buka mata sedikit, fikir pasal benda lain dan masalah lain yg banyak lagi dalam dunia ini. Kita jenuh melaung-laungkan perjuangan dan kesediaan untuk membela masyarakat dan kemanusiaan sedang dlm masa yg sama kita tak cuba untuk memikirkan apa yg 'realiti'. Kita masih duduk dlm kepompong anti-sosial, membina tembok besar, mencipta dunia kita sendiri yg seolah-olah kita tuhannya. Bukan aku kata isu-isu tadi itu tak penting. *"Membiarkan shj perkara yg anda fikir remeh akan membuatkan ianya menjadi besar"-Faisal Ancaman*. Tapi poin aku disini ialah 'perkara-perkara lain'. Isu yang timbul sehari-hari di sekeliling kita cukup banyak lagi. Maksud aku ialah kita dah banyak membincangkan dan memperkatakan masalah-masalah kita sahaja. Masalah dalam kelompok atau komuniti kita, sebab itulah kita rasakan kita ini terasing dari hakikat kehidupan dan masyarakat. Begitu juga dengan soal dalam memberi pendapat. Semua org bebas untuk bercakap mengenai apa sahaja. Kita tak perlu sempadan yg seakan- akan berbunyi "Jgn cakap benda itu disini, majoriti yg berada disini tak setuju dengannya!". Pergi mampuslah dgn semua itu. Didalam berdiskusi dan memberi pendapat, jgn terlalu sempitkan minda dan pemikiran. Cakaplah mengenai apa sahaja pun asalkan jangan sakiti hati orang lain. Juga kita janganlah terlalu anti dengan org yg agak kontra pendapatnya dari kita. Aku sendiri pun biasa sahaja. Aku lebih senang begini dgn pemahaman aku tentang hidup, senang dgn cara aku sendiri utk mendefinisikan 'punk' itu dgn cara aku dan juga senang utk membentuk 'punk' aku sendiri. Dan tatkala itu juga aku masih seorang manusia biasa yg walaupun secara normalnya sering membuat kesilapan didalam hidup, namun tetap mempunyai harapan untuk melihat satu dunia bahagia yg layak untuk diduduki semua makhluk, manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya. Yang penting disini *'empowerment'*, daya pengawalan minda sendiri. Ah, terlalu panjang pula aku membebel. Berbalik (sekali lagi!) kepada DARAH MUDA, jika anda perasan zine ini adalah 100% didalam Bahasa Melayu;-walaupun byk juga istilah-istilah bahasa inggeris terlepas, ah persetankan itu. Nak tahu kenapa, sila baca tulisan Razak Rudin dlm ruangan kolumnis, 'Isu Bahasa Melayu'. Semua interbiu juga aku terjemahkan kedalam Bahasa Melayu. Aku rasa itu sahajalah sebagai permulaan utk kata-kata aluan. Harap-harap sangat kemunculan sulung ini mendapat maklum balas yg positif dari pembaca. Kalau bunyinya masih mcm dulu juga, haha...alamatnya DARAH MUDA ini pun akan 'bungkus' juga. Malas!. Juga jika ada apa sahaja ketidak-puasan hati harap hubungi aku dan kita selesaikannya dengan baik. Sebelum mengundur diri, renungkanlah kata-kata yg aku anggap begitu menyentuh hati dari seorang sahabat: "...mahu bersikap intelektual bukan bermaksud mahu menjadi elit", Ya, kata-kata itu sungguh dalam sekali. Kita memang sudah terlalu jauh dgn perkataan 'intelektual' itu, kita sudah terlalu menjauh darinya. Kata-kata itu juga bermaksud apabila kita membuat keputusan utk 'mahu menjadi lebih cerdik' bukan bermaksud kita mahu mengangkat diri, berlaku bodoh sombong, atau cuba menyulitkan keadaan. Mungkin ramai yg berasa malu, rendah diri dan sebagainya. Tak usah negatifkan pemikiran. Pengetahuan itu adalah kuasa segalanya, persiapkan dirimu. Akhir kata, selamat membaca, berfikir dan bertindak. Tiga, empat, lima..GO!



membebel lagi...

KREDIT: ALLAH swt. atas kelapangan masa, salam peluk cium buat rakan-rakan Network Of Solidarity Collective (NOSC), Kota Bharu; Poodien, Azra Affendi, Aizudin Ali (abg.besar), Siti Manisah, Ahmad Nazier – Papakerma Butai (Records and Distribution), Juan Pablo Rodriguez, Munirah Aziz, Nick 'Boisterus' 61A, Faisal terbang, Tengku Arif (ayeh), Nur Hafeez, Nasir Tumpat, Affa, Fazri dan semua di Comm. Coalition KT, KL FNB, Tengku Kamarul Hazman (Bujal), Zaki (bara), BidanChinta, JasRuleChantik (emo konon!) semua yg mengenali, dan yg paling best utk HC-HC kaya Medan Warisan; Ben Khairilza, Abun, Fuad, Nuor poppy, dan Acheim. (blood in, blood out). Hi! Kpd Andy Kindon, Andy dan Annie, Gaddafi, Philip Drazic, Nanouk, Matthias, Gaddafi, Jerry Lim, Kjell Moeberg, John Floss, Yoss, Chris Luppi, Jole Lithuania, Riz Farooqi, Shabra Shatila, Ancaman, Revenge Of The Killer Germs, Phalanx Suffer, Bloodpact, End On End, Costa's Cake House, Atret, Good Clean Fun, Punishment Park, King Ly Chee, Zann.

>>EDITORIAL

DARAH MUDA isu satu | Mac 2002 |
Konspirator | Firdaus
Kontraktor Melayu | Asyraf Hasyim aka Fuad, Anuar poppy
Teroris Upahan | Maden PRM, Bhai Prasad, Yasmin Idrus, Nurfarhana, Sjamsdzul Wibowo, Ahmad Nazier, Gaddafi, Andy Kindon, Jerry Lim, Razak Rudin, Andy & Annie, Ojie, Ina, Nanouk
Grafik | Firdaus, Karim Siber **Gambar** | Firdaus lagi **Penterjemah** | lagi-lagi Firdaus
Komunikasi | darahmuda@hotmail.com, myheartspeaks@terato.com

Penulis: Firdaus
darahmuda@hotmail.com.

Omong-Omong PICISAN

Membentengi kapitalis bangsat, menghambat 'keganasan' persis sang singa luka tertikam sembilu

2002 : Selangkah lagi buat Amerika!

"Mereka dapat apa yang mereka patut dapat". Situasi global lewat 4-5 bulan sejak kebelakangan ini begitu hangat dan bergelojak. Kita sudah menyingkap tirai 2002 dan mengucapkan selamat tinggal kepada tahun 2001 yang meninggalkan seribu satu macam cerita, memalitkan seribu satu macam kebimbangan, kelucuan, kegembiraan dan juga kesengsaraan. Bilamana kita menanggapi dan membuat analisis menyeluruh mengenai tahun 2001 sudah, pantas kita tidak akan dapat langsung membuat satu memori yang cukup tragis dan tragedi;- saya telah menemuramah 2 kugiran asing dalam isu ini iaitu Bloodpact dan Costa's Cake House dan secara kebetulan, Andy dan Nanouk telah memberikan satu kesimpulan yang serupa mengenai serangan keatas World Trade Centre itu sebagai 'tragedi' kerana telah mengakibatkan pembunuhan ramai manusia yang tidak berdosa. Siapa yang dapat melupakan siaran-siaran khas terkini di televisyen yang membuat liputan mengenai peristiwa itu, yang mana kelihatan beberapa orang terjun dalam keadaan yang penuh ngeri dan sadis dari bangunan itu untuk menyelamatkan diri. Dunia barat dan Amerika Syarikat khususnya, memang cukup-cukup tersentak dan seakan tidak percaya akan peristiwa itu. Amerika diserang dan dirobek-robekkan di jantung hatinya, New York. Saya pun sendiri tidak pernah terimaginasi akan sesuatu kejadian seperti itu, walaupun saya faham mengenai betapa celakanya polisi luar Amerika dan CIA dalam beberapa dekad kebelakangan ini terhadap negara-negara yang mereka rasakan mengganggu-gugat Amerika secara terus atau tidak. Saya turut tertarik dengan kata-kata seorang rakan dari California, Andy Kindon yang mengatakan bahawa sekarang ini di Amerika, walaupun seseorang itu begitu kritikal kepada kerajaan namun selepas peristiwa 11 September itu mereka seolah-olah menjadi terbalik dan menjadi begitu patriotik dan nasionalistik. Inilah yang amat dibimbangi kerana pada hemat saya, jika tiada seorang pun yang bersikap kritikal dan menegur pemerintah alamatnya seluruh masyarakat dan rakyat negara akan senang-senang sahaja mengikut telunjuk pemerintah, tanpa mempersoalkan baik atau buruk disebaliknya. Mereka akan jadi buta kerana perasaan fobia dan trauma akibat kejadian yang tidak disangka-sangka itu. Saya membuat beberapa andaian;- pertamanya, saya mengandaikan bahawa semua ini adalah satu konspirasi licik politikus elik dan kapitalis-kapitalis bangsat sedunia untuk mewar-warkan apa yang mereka sebut-sebut sebagai 'Globalisasi'. Menerusi tulisan saya didalam nI *A Piece Of Peace* dahulu, saya ada mengutarakan mengenai isu global yang masih dipandang sebelah mata ini, dan saya sekarang merasakan bahawa peristiwa 11 September itu adalah titik tolak perubahan dunia – secara evolusi mahupun revolusi – kearah kata-kata keramat Globalisasi itu. Sekian ramai tahu, dunia ini digerakkan nadi jantungnya kehidupan dengan dengan wang, alat-alat politikal ekonomi, politik duit dan semua unsure politik, sosial dan penstrukturan masyarakat dan negara bangsa, dan tubuh negara itu bersandarkan dan amat-amat relevan dengan ekonomi. Meminjam kata-kata yang dipetik daripada *Mindbreaker zine isu #2* yang menarik untuk dikongsi bersama;- "Wang mempunyai nilai jika kita mempercayai bahawa ianya mempunyai nilai". Ketika saya menulis artikel ini, berlangsungnya satu sidang forum ekonomi sedunia (WEF) di New York. Ianya sengaja diadakan di New York dan tidak seperti kebiasaannya di Geneva, Quebec atau The Hague kerana penganjur (Amerikalah tu) ingin dunia menunjukkan solidariti keatas apa yang menimpa New York. Pemimpin Malaysia yg hadir termasuk PM Mahathir Mohamad, Dr. Koh Tsu Koon dan ramai lagi. Yang menjelek dan memuakkan ialah bila saya membaca di akhbar tentang ucapan seorang pemikir ekonomi dan intelektual (konon!) dari Mesir, Amr Moussah yang berbicara mengenai 'bagaimana mahu memberi orang-orang miskin melarat sedunia makan' didepan CEO dan pegawai-pegawai eksekutif McDonalds, GAP dan Nike dan sekian banyak kapitalis bangsat sedunia!. Mereka berforum, berdialog dan berseminar, juga menghabiskan masa terluang selama setengah jam mungkin, untuk mendengar bebelan Moussah mengenai ' cara memberi orang miskin makan' ketika mana ratusan ribu pelarian Afghan memakan rumput dan batu untuk mengisi perut yang hanya penuh dengan angin dan mengitar semula air kencing buat menghilang dahaga pada tekak yang kering langsung di khemah pelarian di Mazar E-Shareef. Banyak lagi perkara-perkara yg sumbang, jelek dan lelucon yang diulang-ulang cerita. Yang utamanya disini ialah mengenai Globalisasi itu. Di satu sudut, perjanjian bebas perdagangan Amerika Utara, (NAFTA) yang menggamit penentangan tanpa noktah gerila EZLN untuk membebaskan Zapatista dari cengkaman penindasan sudah diperketatkan. Dengar khabar berlaku juga seminar dan majlis fikir mengenai perjanjian perdagangan bebas ASEAN, (AFTA) di Kuala Lumpur baru-baru ini. Sama ada khabar angin atau tidak, ianya cukup untuk menyimpulkan semuanya dan membuat kesimpulan bahawa Globalisasi sudah terlalu hampir atau mungkin juga sedang menjengah kita disini. Semuanya memberi klu yang teramat jelas cuma sikap endah tak endah atau tidak mahu mengambil peduli sahaja yang menghalang. Mungkin kita boleh memberi alasan, kita tidak tahu langkah sebetulnya untuk menangani permasalahan ini. Mungkin wacana pengetahuan di alaf baru ini sebagai jawapannya untuk kita tidak mahu jatuh terjelepuk dilanda arus pengglobalan itu nanti. Berbalik kepada cerita 'tragedi' kita tadi, persepsi kedua saya memberitahu bahawa ianya (11 Sept.) juga mungkin satu 'attack' yg jahat kepada dunia Islam, penganutnya, roh dan ideologi pemikirannya. Dengan kata mudah, saya menganggap ini adalah kerja jahat dunia barat dalam mengubah persepsi dan pandangan dunia terhadap Islam. Semuanya terkombinasi dalam maksud peristiwa tersebut;-prejudisme, xenophobia, rasisme, rasa sangsi dan perlakuan diskriminasi terhadap orang Arab dan Timur Tengah, janggut, serban, jubah, tudung dan semua yang relevan dan sinonim dengan Islam. Satu bentuk Globalisasi juga, pengglobalan rasa prejudis terhadap penganut Islam!. Islam mahu digambarkan sebagai satu agama anutan yang kasar, ganas, kejam, perungus, zalim dsbnya. Memang Khalid Al-Midhar, Muhamed Atta, Zacharias Massoui, dan Nawaf Al-Hazmi;-rata-rata mereka orang Arab dan 'Islam', namun siapa tahu mereka telah diupah atau juga diperalat untuk menerbangkan pesawat lalu menghentam WTC?. Kita boleh juga mengaitkan semua ini dengan soal kerakusan ekonomi Bush dan Amerika yang mahukan pembinaan saluran paip gas asli yang merentasi bumi Afghanistan dari Uzbekistan. Semuanya kerana punca ekonomi dan duit, keinginan membolot ...**Bersambung #!**

> "...dan sekarang saya merasakan bahawa peristiwa 11 September itu adalah titik tolak perubahan dunia – secara evolusi mahupun revolusi – kearah kata-kata keramat Globalisasi itu..."

> "...Wang mempunyai nilai jika kita mempercayai bahawa ianya mempunyai nilai..."

end on end



JOHOR HARDCORE | comp. CD :1/2**

Kompilasi kugiran-kugiran hardcore daripada Johor ini diterbitkan oleh Broken Noise Records. Menampilkan kugiran-kugiran yang boleh dikatakan majoritinya memainkan muzik grind, namun ada campuran sedikit elemen-elemen crust, fast dan sebagainya disamping muzik punk itu sendiri sebagai tunjang. Dibarisi oleh nama-nama besar seperti Parkinson dan Depress selain kugiran lain seperti Reconstruct, Shortsited, Argon, Semerepang, dan Tussock. Tidak banyak yang menarik perhatian kecuali aksi Tussock yang cukup hebat dengan vokal dan muzik yang seiring dan berkualiti selain kualiti bunyi yang patut dipuji. Aku tak lepas-lepas utk mengulang dgr lagu "In Ambiguity" dari mrk yg menampikan muzik grind yg keras dan padu. 'Nasum M'sia' kata seorg rakan. Tidak lupa kepada kelainan yang dibawa oleh kugiran punk tersohor dari Kota Tinggi, Depress yang membawakan lagu dalam Bahasa Melayu. Namun kualiti bunyi yang agak teruk dari Shortsited dan Reconstruct agak mencacatkan. Hairan, kenapa kualiti bunyi setiap kugiran berubah-ubah?. (Broken Noise Records)

PROPAGANDHI | Todays Empire, Tomorrow Ashes CD :***

Hah! Siapa tak kenal dengan kugiran punk rock dari Kanada ini?. Selepas kejayaan EP mereka yang lalu "Less Talk More Rock", kugiran ini tidak menoleh kebelakang lagi. Tidak banyak kugiran punk rock kini yang mempunyai identiti sendiri seperti mereka. Namun, seperti kata seorang kawan, karya terbaru Propagandhi ini terlalu rockish sehingga hampir menenggelamkan keaslian punk rock yang mereka bawa dalam "Less Talk More Rock". Apapun, ini rilisan yang bermutu, dengan kemampuan CD interaktifnya yang membawakan sedikit prebiu Propagandhi, pendedahan visual tentang CIA, Mumia Abu Jamal juga sedutan ucapan-ucapan aktivis kemanusiaan seperti Noam Chomsky dan Howard Zinn. Lirik mereka yang sarkastik dan bermesej kritikan pedas juga politikal wajar diberi perhatian. Punk Rock yang cukup bermutu. (G7 Welcoming Committee Records).

STANDFAST | s/t standfast CD/ep :**1/2**

Mereka tidak terlalu laju, tetapi ini boleh dikatakan antara emo old school hardcore yg bagus. Emo mrk lain sedikit dari kugiran spt Braid dan Reach The Sky. Standfast lebih suka memanipulasikan suara vokalis mrk yg mempunyai *pitch* yg tinggi dan serak-serak basah seperti Hetty Sarlene. Yg menarik perhatian disini ialah lirik mrk, aku cukup suka kugiran emo yg membicarakan soal hidup dgn sedikit harapan utk kembali bersemangat, ini boleh dilihat menerusi nyanyian beramai-ramai yg cukup harmonis. Mereka tidak lembik dan terlalu leweh spt kebanyakan kugiran tipikal emo-gadis yg putus harap utk hidup. Apapun hey, ini old school!.

TREPHINE | trephine MCD :*1/2**

Dalam Mcd ini, Trephine membawakan muzik metallic hardcore, satu genre muzik yang jarang-jarang dapat aku dengar. Hanya mempunyai 5 lagu dan 1 lagu 'bonus' yang berentak old-school(?). *Riffing* gitar yang tajam dengan sesekali 'gorengan' metal amat mengasyikkan. Dengan jeritan 2 vokal disamping kualiti bunyi yang menarik (hm, ini terbitan Eropah) tiada apa yang perlu digusarkan. Lirik mrk juga bagus. (Plusminus Recordings)

THE PIOHASA'S ZINE NO.9 | Comp. CD :*1/2**

Jika tidak silap, The Piohasa zine ini daripada Perancis. CD kompilasi yang (mungkin) diberi percuma sekali dengan pembelian zine ini mempunyai kugiran-kugiran yang 'besar, sederhana dan kecil'. Sick Of It All, Boy Sets Fire, Gameface, The Movielife dan banyak lagi kugiran tersohor tidak perlu diperkenalkan lagi. Tapi penampilan kugiran-kugiran tidak terkenal spt Maine yg bermain popunk, juga kugiran kecil dari Mexico, Sepanyol dan lain-lain juga agak bagus. Aku suka CD ini kerana ianya mempunyai muzik punk hardcore dengan suntikan variasi genre seperti emo, pop, metal, old school, dan ska, (Flagrance Recs.)

VOICE OF THE VOICELESS | 4 way split CD :**

Anak Liar Records, sebuah label DIY yang bermatlamatkan untuk memberi pendedahan tentang kugiran-kugiran dari negara-negara eksotik telah menampilkan 4 buah kugiran;-Man In The Shadow dari Slovenia, Autonomia(Peru), RedKedge(S'pura) dan @patia No dari Venezuela. Aku cukup tertarik dengan Autonomia yang mempunyai wibawa yang seimbang menerusi lirik dan muzik mereka. Man In The Shadow pula lebih kearah emo hardcore yang agak unik sedikit dengan lirik dlm bahasa ibunda mereka. @patia No pula membawakan muzik punk yang bermelodi dan tidak lupa juga penampilan mantap RedKedge yang cukup mengesankan. Kualiti bunyi agak memuaskan biarpun didalam kata-kata aluan Mat (lem)Pang yang seolah-olah membayangkan bahawa kualiti rakaman kugiran dari negara eksotik tidak begitu bagus. Syabas Anak Liar! (Anak Liar Records)

BOY SETS FIRE | after the eulogy CD/ep :***

Argh! aku tak mampu utk hipokrit dan menipu diri ini, oh!. Aku terlalu menggilai kugiran emo melankolik dari Newark ini. Mereka cukup menarik perhatian dgn vokal Nathan Gray yg kekadang seperti penyanyi soprano. Lirik mrk boleh dikatakan sbg emo-politikal. Muzik mereka yg mantap tak perlu dipertikaikan lagi. Boleh dikatakan BSF adalah antara kugiran yg byk membuat aku meminati hardcore. Tapi ini dari Victory...aku tak mengerti mengapa kugiran hardcore kental spt mrk boleh terjun dlm dunia bisnes Victory. Duit? Mereka mahu jadi hardcore MTV yg kaya?, atau selalu bermimpi utk bermain tour dan konsert bersama dgn rockstar-rockstar spt Pennywise, NOFX atau kugiran metal dari Road Runner spt Slipknot dan Disturbed?. Apapun, CD ini agak bagus juga. Namun mrk nampak hilang sedikit elemen hardcore kental dan nampak sedikit metal dan rock. Tapi elemen emo melankolik itu masih tidak terjejas. Mujur mrk tidak semelampau Grade utk menjadi rockstar!. Dgrkan 'rookie', 'when rhetoric dies' dan byk lagi. Mahu memiliki CD ini?. Cari saja di gedung kaset biasa.



propagandhi

[prebiu muzik]

Prebid oleh:
Firdaus





>Bloodpact >Costas Cake House



ATRET/RECONSTRUCT | split CD :*1/2**

Apa lagi kalau bukan grind pegang kapak!. Atret dr Yogyakarta, Indon dan Reconstruct dr Kluang, Johor masing-masing memiliki identiti tersendiri apabila memainkan muzik grind. Atret lebih menonjol menerusi kehebatan vokal Ina dan Erwin selain melodi punk yg tersusun. Lagu "Human" dr mereka cukup hebat. Reconstruct (ada yg kata mrk ini bermain dis-core) nampak lebih hebat dlm CD split ini berbanding aksi mrk didalam CD kompilasi Johor yg agak membosankan. Tapi aku mengakui, Reconstruct ada potensi kerana muzik mrk yg agak unik. Lagipun tak byk kugiran dis-core di M'sia. Rilisan yg bermutu (ada poster!). (Broken Noise Records)

BLOODPACT | (A)bastardization EP/tape :***

Pintar Pintas Pantas!. Boleh dikatakan antara rilisan-rilisan terbaik 2001 bagi aku. Apa lagi yg anda mahu ;- ketukan drum yg padu dan pantas bak peluru? Gitar yg hebat dengan *riffing* seakan-akan bunyi petir? Petikan bass yg mengasyikkan seakan membawa mimpi ngeri? Vokal yg bermutu seolah-olah Corey Taylor(Slipknot), Serj Tankian(SOAD) dan Nathan Gray(Boy Sets Fire) bercantum menjadi satu? Maaf jika aku terlalu melampau dlm prebiu Bloodpact ini!. Tapi ikhlas, lanya mmg menarik hati. Irama old school dan fast hardcore mrk cukup hebat, selain lirik-lirik yg cukup intelek dan bersemangat. Suara vokal Andy seolah-olah mendominasi keseluruhan muzik mmg wajar diberi perhatian. Rilisan ini juga kreatif dari segi pembikinan *sleeve* kasetnya. Anda mahu cuba hardcore yg laju yg tiada dpt dibeli dikedai-kedai? Nah, cuba yg ini! (Refuse Records).

CHENTA TIADA RESTU | demo rehearsal :*

CTR adalah kugiran grind crust yang mempunyai elemen emo menjerit dari Sg. Petani (tapi jika mengikut kata vokalisnya Faisal, CTR adalah kugiran pop-punk dr Alor Setar!). Ah, ini emo-grind. Aku dengar demo reh ini secara tidak sengaja didalam kereta Faisal. Aku dengar satu-dua lagu sahaja, namun aku cuba berlaku adil. CTR agak unik kerana lirik mereka dlm Bahasa Melayu (yeah!) walaupun agak sukar di fahamkan satu-satu perkataan yang disebutkan oleh 3 org vokalis mrk yg agak ghairah untuk menjerit. Tak hairan begitu kerana CTR membawa muzik grind secara majoriti, lainlah kalau mereka membawakan muzik pop. Kualiti bunyi boleh lah tahan. Dari segi muzik tiada apa-apa benda yang menarik perhatian. Sama seperti kebanyakan kugiran grindcore biasa. Namun apa salahnya jika dicuba. (Papakerma Records)

COSTA'S CAKE HOUSE | s/t costa's cake house CD :***

"Metalgrindhardcorescreamoviolence"? Argh, band apa ni?. Tapi aku silap!. Costa's mmg betul-betul brutal dgn muzik hardcore yg keras dicampur dgn elemen emoviolence yg cukup memikat. Bak kata pepatah hc, "mereka mmg sepak juburl". Sesekali kedengaran vokalis mrk sahut-menyahut untuk menjerit dgn diiringi bunyi gitar yg cukup padat dan kemas seolah-olah mrk ini adalah pemuzik hardcore professional yg rilisan mrk berada di Tower Records atau Salem Cool Planet. Unsur grind mrk cukup bagus, boleh dikatakan sbg "grind yg kedengaran enak utk halwa telinga". Bagi mrk yg selalu mengkritik gaya dan muzik grind, mrk akan memakan balik kata-kata mrk jika mendengar Costa's. Aku terlalu meminati Costa's dan hasilnya, sila baca i/w aku bersama mrk dlm zine ini. Antara 10 rilisan terbaik bagi aku untuk 2001 bersama dgn Bloodpact. Grind yg amat direkomen!

END ON END | CD (master) :**1/2**

Aku menerima CD ini setelah berkomunikasi kugiran ini yang menyatakan persetujuan untuk memberikan kebenaran pada aku untuk menerbitkan lagu mereka dlm bentuk tape. Namun lanya masih didalam proses. Tapi aku merasakan tak salah untuk aku cuba memperkenalkan mereka diruangan ini. End On End adalah sebuah kugiran hardcore yang berelemenkan emo yang bermelodi dan sedikit old school, walaupun mrk sendiri mengatakan mrk membawa muzik post hardcore. Dgn influens daripada Boy Sets Fire dan Snapcase, kita sudah boleh menjangka bagaimana muzik mereka. Namun, yang membuatkan aku benar-benar sukakan mrk adalah terletak kpd kekreatifan mereka mempelbagaikan muzik hardcore dgn sentuhan melodi-melodi yang segar. Mereka tampak cuba menunjukkan bahawa mereka sedang 'berhardcore' dlm keadaan riang walaupun mengutarakan mesej-mesej yg agak serius. Cuma suara Andy Kindon sahaja yg kurang memuaskan, itupun bagi mereka yg mahukan vokalis bertenaga dan mantap. Pitch suara Andy tak ubah spt Khalid (RedKedge) yg gemar bersahaja. Lagu-lagu didlm CD ini semuanya lagu terbaik yg dipilih drpd lagu-lagu yg pernah dikeluarkan oleh mrk. Jika segalanya berjalan lancar, End On End akan berada dlm pasaran hc punk M'sia pada 2002 ini yang akan diterbitkan oleh label Papakerma Records dalam bentuk tape yang berjudul 'Walk Away'. Beli jgn tak beli, beli jgn tak beli, beli jgn tak beli... (Papakerma Records)

GOOD CLEAN FUN | On the street... EP/tape :**1/2**

Ketika membaca prebiu Abira mengenail rilisan ini dlm Sadis #3, aku masih tidak dpt membayangkan apa itu "kerlangan hardcore". Namun selepas mendengarnya sendiri, aku jadi terus kepingin untuk melompat hardcore sambil membuat balik-kuang diatas penonton ketika GCF sedang beraksi!. Old School yang unggul, mendgrkan gaya mereka menyanyi akan kembali mengingatkan kita kpd Minor Threat, Youth Of Today, Gorilla Biscut dan kugiran-kugiran hardcore lewat 80an dahulu. Old School mereka ini cukup klasik, tambah pula dgn gaya Mr. Issa yang seolah-olah mengkritik sambil mengejek ketika melagukan mesej-mesej yg sarkastik. Suara bernyanyi ramai-ramai oleh lebih 10 org mengiringi GCF cukup harmonis dan bagus. Aku terlalu menyukai lagu 'In Defense Of All Life' yg menceritakan mimpi ngeri seorang Straight Edge yg menjadi Hardline! (Refuse Records/Phyte Records)

chenta tiada restu

ATRET

:: Yogyakarta Grinding Hardcore Punk ::

Interbiu ini dah lama aku peram jadi pekasam. Mulanya aku nak sumbangkan pada seorang rakan yg ada bikin zine. Entah macam mana, dia dah hentikan semuanya dan sampai sekarang tak ada bunyi khabar cerita, hampas!. Daripada terus menjeruk, lebih elok aku kongsi benda ni dengan kau orang semua. Ok, enjoy interbiu ini-editor



ATRET, bagi aku adalah sebuah kugiran yang cukup bagus dari segi muzik mereka. Siapa tak jatuh hati bila mendengar lagu "Human" dr split CD mrk bersama RECONSTRUCT yg memiliki adunan irama hc/punk yg cukup keras dan kejam dari mereka. Terutama 2 vokalis mereka, Ina dan Erwin yg cukup agresif. Kerana semua faktor itu sudah cukup utk membuat aku terus menghubungi mrk, untuk menyelami minda dan pemikiran anggota kugiran ini. Untuk sesi ini, Ojie dan Ina yg menjawab mewakili **ATRET**. Baik banget grindnya, dong!

Firdaus: Apa khabar rakan-rakan ATRET?. Ya, sila perkenalkan diri kalian kepada pembaca, sejarah band dan juga rilis material daripada ATRET...

Ojie: Hai dan salam kenal untuk semuanya. Kami mulai bergabung sekitar pertengahan tahun 1996 dan mengalami perubahan personil sekitar tahun 97 – 98. Dan sekarang ini kami terdiri dari Ina dan Erwin – Vocal, Ojie – Guitar, Jaka – Drum, dan Ilo – Bass. Sampai saat ini kami telah merelease 1 buah kompilasi dengan beberapa band undergound di Yogyakarta (Yogya United Underground), demo pada tahun '97, "Battle, War, and Fight" berupa cassette, dan yang terbaru split dengan Reconstruct dari Malaysia yang di release oleh Broken Noise Records.

Firdaus: Apa yang selalu kalian perkatakan di dalam lirik-lirik kalian?

Ojie: Secara general dapat dikatakan lirik-lirik kami mengenai hal-hal yang terjadi dan benar-benar terjadi di sekitar kami maupun around the world. Lirik tersebut menggambarkan realitas yang setiap hari harus kami lalui dan mengganggu kami dan melalui lirik tersebut kami mencoba untuk mengemukakan pendapat-pendapat kami baik itu pernyataan setuju maupun tidak setuju, kesedihan kami, dan bahkan kemarahan kami terhadap apa yang tengah melanda negeri ini dan dunia. Dunia ini sudah semakin penuh dengan kepalsuan, kepura-puraan, dan pembodohan.

Firdaus: Bagaimana dengan solidaritas di antara kamu semua di Indonesia?. Saya difahamkan sesebuah scene di Indonesia punya komuniti yang besar seperti di Bandung, Jakarta etc. Ia tentu melahirkan lebih byk polemik dan pendapat kalangan ahli komuniti. Bagaimana pendapat kalian?

Ojie: Saat ini semakin berkembang, makin banyak people hanging out together. Solidaritas, friendship diantara kami pun telah berkembang dengan sangat baik dimana antar sesama scene berusaha untuk bisa dan selalu saling terbuka.

Ina: Just fine, overall. Hanya kadang-kadang masih ada yang kurang menerima dan menghargai adanya perbedaan prinsip dan idealisme. Solidaritas masih dijaga hanya mungkin, masing-masing pribadi harus bisa

lebih menyadari bahwa penyikapan seseorang terhadap sesuatu bisa berbeda. That's the point where respect is needed to be used.

Firdaus: Boleh kalian prediksikan keadaan politik di Indonesia?. Saya lihat banyak sungguh masalah dalaman yang mendasar juga peristiwa-peristiwa yang terjadi mengundang kepada penjejasan keharmonian di sana?

Ojie: Mungkin keadaan politik di sini pada saya tidak dapat di prediksikan dengan jelas. Tampaknya ada sebagian orang yang salah mengintrepresikan arti demokrasi dengan kebebasan mutlak yang tidak bertanggung jawab. Yang jelas beberapa elite politik kami mulai menampakkan keadaan dan "hatinya" yang sebenarnya. Peristiwa-peristiwa yang mengerikan yang telah terjadi dan masih terjadi di sini mungkin akan bertambah buruk bila pemerintah dan para elite politik masih saja memikirkan kepantingan golongan mereka.

Ina: Dirty! Untuk membersihkannya, akan banyak kebenaran yang harus diungkap dan dilakukan. Saat ini, banyak pihak yang terlibat selalu berpikir apa yang "baik" dan bukan apa yang "benar" untuk dilakuakn. "Baik" belum tentu "benar", tapi "benar" akan selalu "baik".

Firdaus: Ini soalan yg menjadi perbincangan rakan di M'sia. Adakah anarki juga akan membawa kepada kekerasan?. Atau juga keterdesakan untuk mempertahankan kebebasan boleh mengundang kekerasan?

Ojie: Anarki bukanlah kekerasan tanpa berpikir akan tetapi lebih dari itu, mempertahankan sesuatu bentuk kebebasan, kebenaran yang seharusnya in the right and proper way, of course! It`s means of humanity, solidarity, freedom, and liberate.

Ina: Nice question.. Anarki bukan violence. Anarki adalah *the way of thinking is though and the way of action is being done*, dan bagi saya, *way of anarchy* harus bersumber pada kebenaran. Banyak orang berpikir kebenaran sudah mati, dan yang ada hanya kenyataan (*reality*). Tapi seorang anarkis yang hanya menerima kenyataan bukanlah seorang anarkis sejati. *If we have anarchy in our blood, make our own reality, and better be a true reality. We're not quitters!*

Firdaus: Adakah aksi terus (direct action) kalian di Indonesia mampu di organisasikan dengan pembabitan golongan masyarakat?. Bagaimana dgn nama 'scene' itu sendiri?

Ojie: Di sini khususnya di Yogya beberapa orang berusaha mengkolektifkan dirinya dalam beberapa demontrasi dengan cara menyebarkan pamflet-pamflet atau selebaran. Dan ada pula yang langsung mengikuti demontrasi yang diorganisir oleh pihak-pihak tertentu seperti mahasiswa, LSM, dll. Kalau bergerak atas nama scene tampaknya masih sulit.

Ina: Karena banyak hal sulit untuk menyatukan massa dalam scene untuk melakukan direct action. *Generally*, protes dituangkan dalam lagu atau newsletter. Tapi kami pernah menggalang aksi untuk memprotes Mc Donald.

Firdaus: Lari sedikit dari topik, apa pendapat kalian mengenai *"Political Correct"(PC)*?. Ini terlalu rapat hubung kaitnya dengan hardcore punk yang sgt mementingkan etika...

Ojie: *"Politically Correct"* dalam arti pembenaran terhadap diri sendiri? Hm... kalau itu yang di maksud tampaknya saya harus berkata tidak. Kita tidak boleh melihat sesuatu hanya dari luarnya saja, kemudian menjudge perilaku / sikap / tindakan seseorang ataupun lembaga hanya dari luarnya. Sudah seharusnya kita kaji lebih dalam lagi alasan kenapa seseorang melakukan sesuatu. Walupun mungkin kita tidak menyukainya, menyetujuinya, dan bahkan membencinya tidaklan benar bila kita kenyatakan bahwa mereka jelek / buruk / salah yang satu-satunya yang benar adalah kita. Itu adalah perbuatan dari seseorang yang egois dan sombong yang sebenarnya tidaklah lebih baik dibandingkan orang yang dia salahkan.

Ina: Politically Correct? *Being too judgemental over somebody* adalah tindakan bodoh! Rumus untuk menyatakan seperti apa yang benar dan seperti apa yang salah tidak bisa dijadikan harga mati. Menghakimi

dwts82@yahoo.com

>>Observasi Kritikal !

Masa terus berlalu tanpa berpaling walau sejenak kebelakang. Mata mata dunia hari ini begitu ligat memerhati dan memberi tumpuan kepada Malaysia. Malah negara kecil ini menjadi bualan hangat bilamana cetusan destruksi di pentas politik Malaysia melanda di sekitar beberapa tahun kebelakangan. Tidak dinafikan sedikit sebanyak Malaysia berjaya meributkan dunia buat beberapa ketika. Kini semua mata tertumpu ke Afghanistan berikutan ledakan perang yang dicetuskan oleh komplot yahudi yang cuba menghancurkan sebuah negara yang cuba menegakkan bendera Islam sebagai landasan hukum dan syariat. Walau sudah tidak mendapat perhatian ramai, namun Malaysia masih lagi bergelutan didalam kancah dunia politik kecilnya sendiri. Sedar atau tidak, sejarah suara rakyat yang menentang kezaliman rejim Mahathir, sama sama turun ke jalanan untuk mengekspresi gelodak jiwa yang mungkin berbasiskan nafsu semata mata atau sengaja mencari kepuasan ataupun diatas dasar kesedaran bahawa sudah cukup rakyat membutakan mata, memekakkan telinga dan membisukan mulut terhadap kerenah kepimpinan tertinggi negara. Walau golongan yang terkenal sebagai reformis ini tidak berjaya menumbangkan rejim zalim, namun sedikit sebanyak ia berjaya membuka mata yang lain untuk turut sama turun kejalanan dan bertempik teriak menuntut perubahan. Namun sejauh manakah kejituan hati budi anak anak muda hari ini dalam menuntut perubahan melalui gerakan gerakan lansung seperti reformasi? Penulis sudah lama memerhatikan dan sdikit sebanyak cuba mencari alasan terhadap kerelevanan reformasi sebagai satu wadah perjuangan anak muda pada hari ini khususnya golongan tertentu seperti mahasiswa. Namun penulis tetap terpinga pinga dipenghujungnya kerana tidak mampu merungkai jawapannya. Terlalu kerap hati penulis mempersoalkan; adakah reformasi satu wadah perjuangan yang baik atau ia tidak lebih dari metodasi memperjuangkan kepentingan seorang manusia yang kononnya disanjung masyarakat dan menjadi wira negara dalam membela hak dan keadilan? Penulis sememangnya tidak layak untuk mempersoalkan gelaran yang diberikan oleh penyanjung beliau namun penulis ingin lebih kepada sandaran kritikal untuk melakukan observasi kritis terhadap perjuangan rakyat pada hari ini. Secara peribadi, penulis tidak pernah terlibat dengan gerakan reformasi kerana bagi penulis, ia tidak lebih dari sebuah kelompokan yang bertindak mengekspresi perasaan dijalanan sahaja. Penulis tidak dapat melihat atau menemukan alasan yang kukuh kenapa perlu penulis menyertai gerakan tersebut. Adakah diatas dasar Mahathir memecat Anwar, menahannya dibawah ISA, mencederakannya, melemparkan fitnah keatasnya dan seluruh keluarganya? Hanya kerana itu? Bagi penulis, ia tidak lebih dari memperjuangkan kepentingan golongan yang tertentu. Hanya setakat itu sahaja. Bagi penulis, terlalu banyak lagi alasan yang perlu diperhatikan oleh "pejuang pejuang hak dijalanan" ini jika benar mereka ingin turun kejalanan memuntahkan emosi atau sekadar mencari satu ruang untuk melepaskan geram. Terkadang penulis berasa cukup sedih dengan gelagat anak muda hari ini yang dilanda penyakit politikal ignoransi khususnya dikalangan mahasiswa yang langsung tidak mempedulikan senario politik negara. Memang benar restriksi yang dikenakan oleh kerajaan terhadap golongan ini begitu ketat, tambahan pula dengan penggunaan akta barbarik dan drakonian seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan Akta Kolej dan Kolej Universiti (AUKU) yang begitu jelas menafikan hak asasi manusia secara direk. Namun begitu, mahasiswa dan anak muda hari ini tidak boleh menjadikan ini sebagai alasan untuk tidak mengambil perhatian terhadap apa yang sedang berlaku disekeliling mereka. Mereka tidak perlu menunggu sehingga berlakunya kes kes besar yang melibatkan individu sanjungan, untuk bangun bangkit menentang kezaliman. Sebagai contoh; kes petani Kerpan yang secara nyata ditindas oleh kerajaan tidak diberi perhatian sepenuhnya. Kenapa tidak ada partisipasi menyeluruh oleh anak muda untuk bangkit menentang kezaliman yang nyata ini? Penulis boleh mengandaikan kerana ia tidak melibatkan individu sanjungan atau tokoh pujaan seperti tokoh reformasi seperti Anwar, Tian Chua atau Izzah. Penulis hairan, kenapa mahasiswa lantang yang berani turun ke jalanan untuk kononnya membela Anwar Ibrahim, seorang tokoh politik yang disanjung tinggi, tidak turun sebagaimana yang sama untuk membela nasib rakyat yang ditindas? Hipokrit? Munafik politik? Adakah seorang individu yang kononnya berwibawa dan berpengaruh besar didalam masyarakat lebih perlu mendapat pembelaan daripada nasib petani petani miskin di Kerpan, Kedah yang dirampas tanah dengan sewenang wenangnya? Mungkin semangat gerakan mahasiswa 70an sudah luntur ditelan zaman. Baling dan Tasik Utara menjadi saksi semangat anak muda yang benar benar memperjuangkan keadilan. Namun sekarang mungkin jalan Tunku Abdul Rahman hanya menjadi saksi kepada satu perjuangan yang hipokrit!

"...Mungkin semangat gerakan mahasiswa 70an sudah luntur ditelan zaman. Baling dan Tasik Utara menjadi saksi semangat anak muda yang benar benar memperjuangkan keadilan..."

Tentang perang di Afghanistan saya tegaskan yg saya menentang perang dari sudut yg lebih besar walau apa pun subjeknya, menentang perang dan penjajahan keatas mereka di Afghan secara spesifik. Saya fikir sebab utama Amerika mahu berperang dan mahukan agar agenda mereka terlaksana bukan kerana mahukan Osama Ben Laden shj atau mahu menumbangkan Taliban, tetapi ialah lebih kepada keinginan yg lebih kepada faedah ekonomi. Mereka perlukan kuasa untuk membina saluran paip yg dirancangkan akan melintasi negara tersebut. Ianya adalah kerana duit lebih drpd maksud lain. Dan jika mereka nampak spt betul-betul marah kpd Taliban, apa bodohnya mereka membiayai mereka utk beberapa tahun lamanya dan kenapa tidak hentikan Taliban lebih awal?

Apa pendapat kamu mengenai Osama Ben Laden?

Saya tak suka Osama sama seperti saya tak suka kepada George W. Bush. Saya fikir kedua-duanya lebih kurang sama dan kedua-duanya pengganas. Saya juga fikir kedua-duanya mempunyai masalah yg sama, mereka melihat dunia hanya dengan warna hitam dan putih sahaja. Osama membahagikannya dengan kepercayaan dan bukan kepercayaan dan Bush dengan teroris dan bukan teroris. Tetapi kedua-duanya mempunyai banyak perbezaan dari segi latar belakang mereka. Ianya sesuatu yang tipikal yang Osama pernah dibiayai oleh CIA jika kita balik dan kaji sejarah ketika itu, ketika zaman Soviet namun sekarang dia pula telah menjadi musuh kepada Amerika. Walau bagaimanapun ianya menunjukkan bahawa Amerika mencipta musuh mereka sendiri dan mendapat kelebihan dan faedah dalam industri persenjataan dan askar yang punya jumlah yang besar. Saya fikir Osama masih alat kepada Amerika, kerana dia telah menjadi punca dan alasan untuk mereka gunakan dalam 'perang menentang pengganas' mereka dan memerangi negara-negara yang menyokong aktiviti keganasan. Dia juga adalah alasan untuk Amerika bagi membina lebih banyak senjata-senjata berbahaya dan membuat undang-undang yang bodoh untuk memendekkan kebebasan dan hak orang asing di bumi Amerika.

Kamu semua dari Jerman, adakah kamu terlibat dengan mana-mana kumpulan resistensi atau parti politik disana?

Tidak, tapi saya selalu pergi ke majlis-majlis politik, pergi menyertai demonstrasi, dan menentang nasionalisme dan perkauman setiap hari dalam hidup saya!

Pernahkah kamu mendengar tentang Malaysia sebelum ini?



Yeah, kami pernah mendengar khabar dari Malaysia. Kami sebagai sebuah kugiran juga pernah mendapat interbiu dengan seseorang dari Malaysia beberapa ketika sebelum ini. Saya juga mendengar sedikit tentang situasi politik disana, sedikit tentang scene hardcore dan sebagainya. 2 orang anggota Costa's juga pernah melawat Malaysia. Carsten (vokal) dan Tobias (bass) telah kesana pada tahun lalu dan telah menceritakan serba sedikit pengalaman mereka ketika disana.

Tahun lepas (2001), saya bertemu dgn seorang kawan dari Jerman, namanya John Floss dari Leipzig, Jerman. Dia bermain dalam sebuah kugiran hardcore yg bernama Zann dan ketika itu dia mengembara di Malaysia dan Asia Tenggara. Adakah kamu kenal dia?. Dia beritahu saya yang di Eropah, masih terdapat segelintir orang yg fobia dan prejudis kepada org-org dari Jerman, menganggap mereka Nazi dan fasis, walaupun mereka itu (org Jerman) ialah seorang hardcore punk. Komen?

Apapun, pertama sekali saya tidak mengenali John. Tapi saya rasakan perkara seperti itu juga. Masih terdapat segelintir orang yg berfikir yg Jerman masih sebuah negara bangsa yg fasis, yg sebenarnya bukan sebegitu. Saya maksudkan ahli politik kami memang bangsat juga dan kekadang terlalu hampir dgn rasisme dan polisi yg agak nasionalistik. Sesetengah org tidak belajar dan faham yg generasi muda tidak boleh dipertanggung jawabkan keatas kesilapan yg dilakukan oleh nenek moyang mereka.

Saya telah diberitahu oleh Chris Luppi (Wreck Age Asia-Thailand) yg beliau telah berjumpa dgn seseorang dari Costa's (saya fikir awak, Nanouk) di Bangkok, Thailand. Adakah kamu mengembara ke sana?

Ianya bukan saya. Matthias, gitaris kami telah berjumpa dgn Chris ketika dia berada di Thailand. Saya tak pernah berada di Asia Tenggara, walau bagaimanapun, saya amat bercita-cita untuk ke sana satu hari nanti.

Bila kamu mahu datang ke Asia Tenggara;-Malaysia, Singapore, Thailand...dan membuat persembahan disini?

Kami mahu sangat pergi ke sana dan membuat persembahan, tapi buat masa ini kami tidak mempunyai wang dan masa lapang. Saya harap kami dapat lakukannya satu hari nanti. Ianya mungkin menggembirakan bila dapat berjumpa dan berkenalan dgn kamu nanti.

Ok Nanouk, ada soalankah yang kamu nak tanya pada saya?

Yeah, apa pandangan anda pula mengenai peristiwa 11 September dan Osama Ben Laden?

Tentang kedua-duanya, lebih mudah lagi apa sahaja yang relevan dengan topik tersebut saya fikir memang dunia ini benar-benar hendak kiamat!. Hm, kata-kata akhir dari kamu Nanouk?

Terima kasih kepada Firdaus atas interbiu ini, ianya sesuatu yg bagus untuk mendengar sesuatu daripada kamu dan mendapat soalan ini. Salam persahabatan ditujukan kepada semua budak-budak hardcore Asia kerana menjadikan hardcore satu perkara yg internasional. Ianya begitu baik sekali utk memiliki dan terlibat dlm komuniti ini. Untuk sesiapa sahaja yg berminat kepada kami sebagai kugiran, sebagai rakan peribadi dan sebagainya, mari berkomunikasi dgn kami. Love dan Peace utk semua.

COSTA'S CAKE HOUSE - Email: costascakehouse@gmx.de.

siapapun karena alsan apapun adalah tidak keren, euy! Karena hukum sudah mati. *If I don't look like you, so what ? Look inside and ... surprise ... you'll know who I am.*

Firdaus: "Making Punk A Threat Again"-Profane Existence. Apa yang di jadikan ancaman? Moraliti? Masyarakat? Harga diri?...Komen...

"STRONG KNOWLEDGE AKAN MEMBACK - UP ANCAMAN ITU DAN HARMONI AKAN MENUNTUN BAGAI MANA "THREAT" AKAN DILAKUKAN" - INA

Ojie: Making punk a threat again adalah sangatlah akan berarti ketika punk itu mengerti apa yang seharusnya dia lakukan bukan berdasarkan apa yang kamu pakai, fashion atau lain sebagainya tetapi berdasarkan atas keterbukaan pikiran, komunikasi dan bagaimana kamu bisa menerapkannya dalam kehidupanmu sehari-hari.

Ina: Okey, *Let`s do it.* Tapi kali ini the threat harus meaningful *and not just fucked up chaos.* Untuk menjadi "Meaningful Threat", punk harus memiliki *vision, great knowledge because knowledge's power. The need of harmony* sebuah ancaman kosong bisa berakibat fatal, visi yang jelas akan memberitahu kepada siapa ancaman diberikan jadi ancaman terarah hanya pada yang harus kita ancam. *Strong knowledge* akan memback-up ancaman itu dan harmoni akan menuntun bagaimana "threat" akan dilakukan.

Firdaus: Belum lewat rasanya soalan ini. Apa yang kalian boleh ceritakan tentang apa sebenarnya yang terjadi di Ambon, Maluku?

Ojie: Aduh.... Tampaknya pertanyaan seperti itu akan lebih tepat untuk disampaikan pada masing-masing peribadi, karena jawabanya ada pada diri kita masing-masing. Tidak dapat di pungkiri manusia, bukan hanya sistem-nya turut andil dalam hal ini. Kalau boleh saya bilang bahwa rasisme itu ada berasal dari kata "Sombong / congkak" yang berarti rasa bangga yang berlebihan yang dimiliki oleh seseorang, sebuah kelompok, sebuah suku, dan ataupun sebuah bangsa terhadap diri mereka sendiri. Dan rasa bangga itu telah membuat mereka "mendewakan" diri mereka sendiri. Salah atau benar buat mereka suku / kelompok / bangsa / diri merekalah yang mereka anggap paling benar. Dan bukankah hal-hal seperti itu berasal dari peribadi kita masing-masing dan hanya akan berhenti bila kita mau membuka mata hati kita lebar-lebar dan melihat kenyataan bahwa bumi terdiri dari banyak sekali zat baik itu hidup atau mati yang berbeda satu sama lain. Dan untuk dapat hidup berdampingan dan membentuk sebuah masyarakat majmuk yang harmonis seperti sebah keluarga memerlukan banyak pengertian, saling menghargai, saling menerima, dan saling terbuka. Sedangkan apa yang terjadi Maluku akan coba saya jelaskan berdasar cerita salah seorang teman saya yang kebetulan tinggal di Maluku (kelompok putih). Apa yang terjadi di sana dapat dikatakan konflik turun temurun yang sudah sedemikian komplek dan "mengakar". Mereka hidup bersama tanpa saling "bertetangga", sungguh menyedihkan.

Ina: Dunia di bawah kuasa setan, tapi dimiliki oleh Tuhan dan banyak yang lupa hal ini. Banyak yang lupa bahwa kita diciptakan oleh Dia yang sama dan satu dan itu menjadikan kita semua setara.


Firdaus: ATRET, masa mencemburui kita. Haha, apa kata-kata akhir...?

Ojie: Terima kasih Firdaus atas interviewnya (terima kasih kembali, dong!-ed). Saling contact dan berpikiran terbuka. Saya buka distro, ada yang mau so distribusikan your stuff in my distro, contact me. Dan jangan sungkan-sungkan untuk maju terus pantang mundurlah yawww haha haha...

Ina: Keep goin' in harmony. Thanx Firdaus. C' ya !

ATRET ,C/O OJIE Email: orienatret@hotmail.com.

ATRET :
C?O Ojie,
Kauman 6M 1/2 11,
Ngupasan Gondomanan,
Yogyakarta 55122,
INDONESIA.
email: orienatret@hotmail.com.



kolum-kolumnis



Berikut adalah rangkuman penulisan dan pendapat rakan-rakan kolumnis untuk ruangan kolum-kolumnis ini. Isu yang diperkatakan adalah subjektif. Anda juga boleh menyertainya. Topik penulisan terpulang kepada individu, anda boleh menulis tentang kehidupan, politik, muzik, cinta, filem, seni, nasi kerabu, budu dan sebagainya. Segala macam kemusykilan harap hubungi terus si penulis-editor.



PERTEMBUNGAN PERADABAN. Begitu menyayat untuk membayangkan ribuan mayat bergelimpangan tanpa jasad dan bangunan cantik yang tiba-tiba roboh menjadi serpihan debu. Itu adalah naluri keinsanan. Namun hakikat pertembungan peradaban dunia rasanya tidak perlu lagi diperkatakan dengan hati berat, atau bimbang dan sebal. Ia telah berlaku sejak berkurun lamanya, bahkan berulangkali dalam sejarah. Bemula dengan era perang Greek-Parsi, Greek-Rom, Rom-Parsi, Islam-Rom & Parsi, Islam-Mongol, Barat-Islam, Barat-Jepun, Amerika-USSR (walau dlm bentuk dingin), semuanya adalah mewakili pertembungan peradaban yang sentiasa berlaku. Kita dapati dunia tidak pernah sunyi daripada pertumpahan darah secara tragik ini.
Siapakah masih dapat membayangkan jumlah ratusan ribu manusia rakyat biasa di bawah kaki kuda dlm perang Islam-Mongol, jika darah mayat-mayat itu disebutkan oleh ahli sejarah membasahi tubuh kuda - kuda tersebut?
Siapakah dapat melupakan pula sorotan video jutaan mayat-mayat tentera bergelimpangan perang dunia pertama dan kedua? Namun itu adalah hakikat yang telah berlaku, dan sesiapa yang realistik dengan tabiat manusia akan mengakui bahawa ia akan tetap berlaku juga bila-bila masa. Peradaban-peradaban datang dan pergi. Dulu tak siapa menduga bahawa USSR akan jatuh seperti nyamuk terkena semburan Sheltox - jatuh dan tergelatak-geletak. Semua orang melihat Amerika begitu kukuh.
Sedangkan di dasarnya ia menjadi rapuh dalam segi-segi tertentu. Musuhnya begitu ramai. Walau pemimpin-peminpin semua negara mengucapkan Takziah, namun tiada siapa yang bersedia mempamerkan apa yang mungkin tersirat di hati.Adakah negara-negara Islam sebegitu kasihan dengan tangan yang memainkan bonekanya -Israel- dibumi Islam? Adakah negara-negara sosialis telah begitu memaafkan? tanya Norriega, tanya Ghaddafi, tanya negara-negara Afrika yang telah lama tertindas. Tanya semua negara-negara Dunia ketiga, tanyalah hati kecil mereka. Kasihan yang terbit hanyalah kerana kengerian membayangkan manusia rakyat biasa yang bergelimpangan darah. Namun hidup ini tetap juga adalah pertembungan Peradaban. Peristiwa ini akan menjadi hanya sebuah catatan sebagaimana kisah di Bosnia dan Kosovo (adakah yang mati dalam tragedi ini lebih ramai dari peristiwa pembunuhan satu malam di Bosnia?). Kita telah begitu malu untuk mengakui bahawa peristiwa Bosnia adalah tragedi antara Peradaban. Kita disogokkan bahawa semuanya itu -di Chechnya, Kosovo, Bosnia- adalah peristiwa dalam kerangka Negara Bangsa, atau dalam kerangka perang saudara. Kita malu-malu untuk berterusterang bahawa di sudut hati kita, ia adalah pertembungan Peradaban demi survival masing-masing. Dan kita menjadi begitu bimbang bahawa peristiwa ini akan menjadi titik baru pertembungan secara terbuka yang akan 'membunuh' perasaan malu-malu itu, dan Amerika atau Barat selepas ini akan tanpa silu-silu bertindak terhadap sesiapa dengan atau berdasarkan hakikat pertembungan yang sememangnya dipegang di dasar hati mereka (dan kita juga). Tunggulah dan kita pasti akan melihat.

xNazierx, Jalan Bayam, Kota Bharu.
xnazierx@terato.com.



REVOLUSI. "Beri saya kemerdekaan atau bunuhlah saya". Demikianlah sikap dan semangat orang-orang yang mahukan revolusi yang mutlak daripada pemerintah yang bersifat feudal. "Saya lebih takut kepada seorang penulis yang tajam mata penanya daripada satu kumpulan tentera". Demikian juga kata Napolean dan juga ditanya kenapa beliau berpendapat begitu ? "Saya boleh menewaskan kumpulan tentera itu dengan mudah", tetapi satu-satu idea yang dikemukakan oleh seorang penulis itu tidak senang untuk dibendung, apabila ianya menarik perhatian sikap manusia. Demikianlah pendapat Napolean seorang jeneral yang dianggap oleh lawan dan kawan sebagai 'genius' yang hampir berhasil menakluki seluruh Eropah. Sukarno juga pernah mengatakan "Revolusi Indonesia tidak akan habis", apa yang dikatakan oleh Sukarno itu bukan sesuatu yang mudah dilupakan kerana dengan keadaan Indonesia yang tidak stabil dan selalu berlaku huru-hara kita boleh menerima secara relevan apa yang Sukarno katakan itu. Tidak lupa juga dengan apa yang cuba dikumpulkan oleh Sukarno tentang NASAKOM iaitu semua Nasionalis, Agama dan Komunis hendaklah bersatu dan bersama-sama berjuang menentang imperialis barat. Begitu hebatnya pemimpin Indonesia ini melakukan perbagai-bagai kejutan yang cuba menyelamatkan bangsa-bangsa Indonesia daripada dicerobohi. Secara tidak sedar juga Sukarno ada juga menulis tentang `wanita dalam konteks keadilan-sosial' iaitu sejenis golongan yang banyak didiskrminasi pada abad ini dengan bermacam-macam tohmahan dan lontaran. Sukarno berkata `wanita mulai menjadi makhluk ditakluk apabila ada "pembahagian kerja", dan lelaki pergi berburu dengan binatang buas,menembak,berlari-lari tetapi wanita hanya duduk dirumah memelihara anak-anak kecil, tidak dapat berlari-lari, tidak dapat berjuang. Satu bandar yang begitu cantik iaitu Shimonoseki terbakar. Peluru dan asap meriam kapal berkeliaran. Kanak-kanak, perempuan-perempuan dan orang-orang tua bertempiaran lari. Pahlawan samurai mara ke hadapan, tetapi untuk menemui maut sahaja. Baju besi mereka tiada diendahkan oleh peluru yang bertalu-talu datang dari barat. Seorang budak belasan tahun mencabut pedangnya untuk merempuh ke hadapan, ianya ditahan oleh seorang tua dengan kata-kata "Bukan ini masanya untuk menunjukkan keberanian, kita belum lengkap lagi untuk menghadapi mereka", tetapi orang tua itu



COSTA'S CAKE HOUSE, kugiran emo menjerit hardcore power violence dari Black Forest, Jerman ini adalah diantara kugiran-kugiran hardcore yang amat menarik perhatian sejak kebelakangan ini. Split CD mereka bersama sebuah kugiran punk dari Australia, Biceptasaurus menjadi bualan hangat penggemar grind tempatan akibat daripada melodi grind power violence mereka yang amat bagus dan kedengaran lain daripada yang lain. Tanpa berlengah, aku terus menghubungi mereka dan Nanouk, selaku pemain drum merangkap jurucakap kepada kugiran ini menjawab segala persoalan mengenai pandangan dan pemikiran kugiran ini mengenai dunia secara umumnya-*editor*

Firdaus :Hai Nanouk, ceritakan pada saya dan pembaca sejarah disebalik kugiran COSTA'S CAKE HOUSE?
Nanouk: Costa's Cake House telah ditubuhkan pada awal 1998. Kami memulakan kugiran ini sbg sebuah kugiran power violence dan mempunyai sedikit influens emo menjerit. Sejak itu kami telah melalui beberapa pertukaran ahli. Steve, gitaris asal kami telah digantikan dgn Matthias dan pada awal 2000 kami menarribah satu lagi pemain bass iaitu Arnaud, yg menjadikan muzik kami lebih bersemangat dan brutal. Sekarang hingga bila-bila pun kami harapkan ianya sentiasa Carsten sbg vokalis, Tobias dan Arnaud sbg pemain bass, Matthias bermain guitar dan saya Nanouk, bermain drum. Dari masa ke semasa muzik kami berkembang dan berubah. Ia nampaknya menjadi lebih metal dan bertambah teknikal. Pada muzik kami ianya mempunyai elemen hardcore, black metal, grindcore juga memiliki byk kombinasi emo bermelodi, dan kami sentiasa menjaganya utk memastikan ianya imej dan identiti kami. Pada Mei 2000 kami masuk studio 'Alpha and Omega' di Itali dan merakam MCD kami yg diterbitkan pada Januari 2001 sbg terbitan split diantara 3 rekod label iaitu Per Koro recs., Get Up recs., dan Shogun recs. Sebelum itu kami telah meriliskan sebuah demo, split 7" bersama Heartside dari Itali, split CD bersama Biceptasaurus dari Australia, dan kami telah tampil dlm beberapa kompilasi. Setakat ini kami telah bermain lebih drpd 100 persembahan, sudah 5 kali *tour* dan persembahan di Luxembourg, Itali, Slovenia, Austria, Switzerland, Perancis, Belgium, Denmark, Hungary, Rep. Czech, Croatia dan semestinya Jerman.
Costa's memang sebuah kugiran yang bagus sekali. Apa matlamat utama kamu ketika memulakan kugiran ini?
Konsep utamanya ialah 'persahabatan'. Bagaimanapun kami mengakui yg banyak org akan kehilangan kawan-kawan selepas tamat sekolah dan pergi mencari arah tuju yg berbeza-beza, spt melupakan kenangan silam, kamu tahu. Dan kemudian mereka dtg bersama, dan bercakap mengenai perkara-perkara yg remeh dan menggambarkan kecetekan pemikiran dan semuanya telah berbeza. Kami selalu berkomunikasi dan masih bertukar-tukar pendapat. Kami fikir komunikasi ialah perkataan yg paling penting bagi dunia hardcore.



Apa pula yg dimaksudkan dgn *"devestating metal screamo violence mosh mayhem straight from the black forest"* ;- nampak macam 'motto' atau tema kugiran ini. Ianya kelihatan pada setiap rilisan Costa's. Adakah itu caranya yg paling tepat utk mendefinisikan muzik kugiran ini?
Yeah, itulah caranya kami menerangkan muzik kami, kerana kami punya byk jenis influens dlm muzik kami dan penerangan dalam ayat yg pjg itu menerangkan segala-galanya. Nama Black Forest ialah nama tempat asal kami di Jerman.
Ok, Mari kita bercakap satu topik yg agak serius. Apa pandangan kamu ttg peristiwa serangan keatas WTC pada 11 September? Dan juga apa pendapat kamu ttg perang menentang keganasan oleh US dan Afghanistan?
Hm, ianya mmg betul-betul satu topik yg serius dan saya boleh menulis byk perkara ttg topik ini, tapi saya cuba utk memendekkannya. Di satu sudut, saya fikir apa yg terjadi ketika itu sememangnya tragedi kerana terlalu ramai org yg tidak berdosa terbunuh di WTC, dan pada sudut yg lain saya merasakan yg perkara spt itu akan juga berlaku. Saya fikir dgn polisi yg dilakukan oleh Amerika Syarikat sejak berabad lalu yg menjadi punca kepada semua yg terjadi. Tapi saya tak pernah bayangkan ianya akan berlaku sebegini rupa. Saya sememangnya tidak menyokong tindakan yg dibuat oleh fundamentalis ini, sebab saya fikir mereka pun bukannya lebih baik dari Amerika. Tetapi saya terpaksa mengakui perkara itu walau macam mana sekalipun : "yeah, akhirnya mereka dpt apa yg mereka inginkan". Saya tak sokong cara ianya berlaku dan saya juga tak menyokong utk membuat beribu-ribu org mati terbunuh, tetapi saya sokong yg Amerika patut diberi pengajaran. Mereka patut lihat apa yg mereka telah lakukan kepada keseluruhan warga dunia dgn penindasan dan penyelewengan. Dan saya juga fikir yg serangan keatas kedua-dua bangunan itu adalah strategi yg sukar dan memerlukan pakar. Dan juga bangunan yg telah dimusnahkan itu ialah 2 antara simbol paling utama bagi penjajahan barat, mereka memaksudkan tentang duit (WTC) dan kuasa militari (Pentagon). Dan simbol-simbol ini mempunyai banyak kuasa keatas kita. Untuk menyerang dan memusnahkannya, bukan sahaja bermakna memusnahkan segala idea diseballiknya, walaupun ramai org didalam perniagaan tidak menyedarinya. Dan juga ini kerana kita tidak mengambil peduli pun tentang kuasa simbol-simbol itu lagi. Tapi sejak serangan keatas WTC telah merencatkan perniagaan dan pasaran kedalam krisis, banyak syarikat terpaksa menutup kompeni, banyak pekerja hilang mata pencarian mereka dan sebagainya. Jadi serangan keatas WTC memberi kesan jangka masa panjang dan mendalam, tidak hanya 'kemusnahan beberapa buah bangunan'.



menyuruh budak itu menuntut bela apabila tiba masanya yang sesuai. 40 tahun kemudian, budak itu berjaya menghancurkan tentera laut kulit putih di pertempuran dan inilah detik yang menukar sejarah, dan inilah pertama kali satu bangsa Asia mengalahkan satu bangsa Eropah dan menghancurkan sama sekali imperialis barat itu. Inilah cerita yang mengerakkan perjuangan memerdekkakan negara-negara yang terjajah. Budak itu ialah Laksamana Togo, bangsa Eropah yang kalah itu adalah Rusia dan bangsa yang menang itu adalah Jepun. Apakah yang menyebabkan bangsa jepun yang bercorak feudal itu lagi lemah menjadi gagah dengan dapat menewaskan Rusia? Jawapannya ialah Revolusi Meiji dalam tahun 1868. Inilah revolusi pertama Asia yang menjadi peristiwa peralihan dalam sejarah Jepun dan sejarah dunia. Dari bangsa feudal yang tradisional, Revolusi Meiji telah merubah bangsa Jepun menjadi bangsa moden, setanding dengan bangsa-bangsa Eropah. Tetapi perlu diingat revolusi Jepun ini lain dari revolusi yang lain-lain kerana ianya dilaksanakan oleh maharajanya sendiri dan bukan kerana desakan daripada pemberontakkan rakyat jelata. Ini adalah revolusi dari atas bukan revolusi dari bawah yang biasa terjadi pada tempat-tempat lain dalam dunia ini. Indonesia tidak mempunyai raja ataupun sultan tapi mampu melakukan revolusi manakala Jepun yang mana maharajanya sendiri melakukan revolusi yang mana untuk mengubah status feudal tradisional rakyatnya tanpa dilakukan revolusi oleh rakyat jelata. Tetapi mengapa kita di M'sia tidak?
Hasanudin Ruslan, Kota Bharu.
mymaden@yahoo.com.

DADAH. Ini satu berita yang mengejutkan!. Pelajar sekolah terlibat dalam penagihan dan pengedaran dadah. Pelajar yang terlibat tu berusia diantara 11 hingga 17 tahun. Sesuatu yang mengejutkan. Nampaknya gejala dadah ni sudah sampai ke peringkat yang paling membimbangkan. Bukan saja orang dewasa, kini anak-anak yang baru meningkat remaja sudah pun terjerumus. Siapakah yang harus dipersalahkan?. Ada yang menuduh ibubapa tidak mengambil berat tentang anak mereka. Guru-guru yang tidak prihatin pada perkembangan anak murid. Dan ada yang menyalahkan pelajar tu sendiri atas kebodohan mereka. Kalau sudah tahu perigi tu dalam, kenapa kamu terjun. Tapi dalam kes ni kita tidak seharusnya mencari siapa yang harus dipersalahkan, tapi sama-sama mencari jalan keluar,bagaimana untuk mengatasinya agar remaja lain tidak turut terlibat. Biasanya mereka yang terlibat dalam kes dadah adalah golongan tepasansekolah ataupun mereka yang sudah bekerja, tapi dalam kes ni berbeza sama sekali. Saya tidak dapat membayangkan bagaimana anak-anak berusia 13 tahun berani mencuba najis dadah. Apa yang mereka tahu, hanya sekadar mencuba dan akhirnya ketagih. Dan yang paling menyedihkan budak perempuan pun turut terlibat. Apa yang mereka ingin buktikan?. Setiap remaja mempunyai naluri untuk mencuba sesuatu yang terlarang, betul atau tidak?. Betul, kerana keinginan untuk dianggap dewasa begitu ketara. Mereka ingin cepat dewasa dari usia sebenarnya. Dan tanpa memikirkan risiko yang bakal dihadapi, lantas mereka pun mencuba dan akhirnya menjerat leher mereka sendiri. Ini adalah sebahagian dari gejala remaja yang sering mencemaskan ibubapa. Apakah yang membuatkan remaja ini sanggup menghancurkan masa depan mereka?. Ramai yang beranggapan ini semua terjadi disebabkan kelalaian keluarga didalam mendidik anak-anak. Tiada masa untuk anak-anak dan sebagainya...tunggu dulu!. Jangan menyalahkan ibubapa kerana bagi saya tidak ada ibubapa yang sanggup membiarkan anak mereka 'hancur' bersama najis dadah. Pada pendapat saya, ini semua berpunca dari pengaruh/pergaulan dengan 'org-org yg salah'. Kalau berkawan dengan org yang baik-baik, pasti tidak ada kes seperti ini. Sebagai pelajar, mereka mempunyai tanggung-jawab untuk melaksanakan impian keluarga yang ingin melihat kejayaan anak mereka. Tapi pengaruh dari keadaan persekitaran membuatkan mereka terperangkap dlm perbuatan 'cuba-cuba' itu. Sekali cuba mungkin okey, dua kali cuba pun masih okey, tapi bila sudah masuk kali ketiga, dengan sendirinya mereka telah memerangkap diri sendiri atau lebih nyata sebagai permulaan membunuh diri. Ibubapa tidak mampu untuk mengawasi anak mereka sepanjang 24 jam sehari. Keluarga mempunyai tugas yg penting dlm menyara hidup, disamping membentuk peribadi dan pendidikan anak-anak. Tapi sejauh mana mereka dpt memastikan yg anak-anak tidak terpengaruh dgn teman atau org-org sekeliling?. Kasihanilah mereka yg sibuk 'menghidupkan' anak-anak. Cara pendidikan zaman sekarang berbeza dgn zaman dahulu. Kini, ibubapa bimbang utk berkasar dgn anak-anak, takut kalau-kalau mereka lari dari rumah. Ini adalah satu kenyataan. Itulah dilema ibubapa dlm menangani anak-anak dlm kehidupan serba 'canggih'. Bagaimanapun, kpd remaja yg terlibat dgn 'underground', jgnlah sesekali melakukan perkara yg boleh mendatangkan kemudaratan dlm diri dan memalukan keluarga. Sayangilah diri sendiri. Tidak perlu kita lakukan sesuatu yg 'bodoh' untuk menarik perhatian org ramai, untuk menunjukkan yg kita sudah dewasa. Bagi saya, kedewasaan itu datang sendiri bersama kematangan fikiran dan diri yang berilmu.
Gaddafi, Pattani Thailand.
greencombat@hotmail.com.

SEKS DAN WANITA. Dalam perkembangan zaman moden, tidak lagi terdapat perbezaan antara lelaki dan perempuan, terutamanya dalam bidang sosial , pendidikan dan perkembangan seks. Sungguhpun wanita mempunyai tenaga dan daya kekuatan yg kurang berbanding lelaki, tetapi terdapat keseimbangan dari segi stamina, fizikal dan mental. Wanita tidak lagi dianggap sbg simbol utk memuaskan nafsu seks lelaki. Kini wanita telah ramai berpendidikan tinggi. Seks bukanlah satu aksi fizikal dan tindak balas utama dari wanita. Oleh itu, wanita perlu mempunyai pengetahuan dan pendidikan seks yg sempurna serta sepenuhnya bagi perkembangan dan pertumbuhan personaliti apabila mengadakan hubungan seks dgn pasangan atau suami mereka. Sikap yg lebih diakui mengenai seks telah dpt dibuktikan melalui kajian-kajian pakar beberapa tahun lalu. Ini telah mendapat sokongan dari emansipasi atau kebebasan kaum wanita. Kebebasan wanita bukanlah menurunkan taraf kewanitaan. Dlm proses kehidupan manusia, corak dan tabiat sesuatu golongan memainkan satu daya tarikan bagi memikat atau godaan utk kearah hubungan seks. Seorang wanita tentu berasa segan atau malu utk menonjolkan sebahagian drpd anggota tubuh badan mereka. Tetapi pada hari ini, wanita lebih bebas bergaul dgn lelaki dlm sebarang kegiatan. Malah mereka berkongsi sebahagian perasaan, emosi dan kehidupan fizikal. Dgn kemunculan konsep 'uniseks', wanita dan lelaki

berpakaian serupa. Walau bagaimanapun, seorg wanita masih diperlukan utk membina rumahtangga yg bahagia dan anak-anak. Seorang wanita dari segi biologi adalah amat unik. Tetapi tidak bermakna kehidupan wanita hanya boleh dilengkapi dgn melaksanakan tugas disekitar kehidupan. Seorang wanita yg subur mempunyai peluang 60% untuk hamil jika mereka tidak mengambil sebarang langkah untuk mencegah kehamilan berlaku. Di zaman dunia semakin maju, terlalu ramai wanita yg mengandung dan melahirkan bayi setiap bulan. Ini meningkatkan kadar jumlah penduduk dgn lebih pantas. Kadar kelahiran berlaku dgn tinggi dimana sebilangan penduduk masih dilanda kemiskinan. Disamping itu, byk masalah timbul akibat pertambahan penduduk di negara-negara miskin dan juga membangun yg kekurangan makanan, masalah pengangguran, kanak-kanak terbiar, kebuluran dan bencana alam. Ini merupakan masalah nasional bagi negara-negara tersebut. Masalah bagi wanita secara individu, sama ada di negara miskin atau membangun dan juga negara maju, perancangan sesebuah keluarga merupakan masalah peribadi. Kehamilan yg baru atau pertama kali mungkin disambut dgn perasaan gelisah dan bimbang. Bagi wanita yg sudah mempunyai ramai anak, pertambahan kehamilan yg baru bermakna bertambah lagi tanggung jawab. Apa pun bentuk masalah, kehamilan mmg tidak dikehendaki oleh ibu-ibu yg ramai anak dan juga ibu yg belum berkahwin. Jalan terakhir bagi mrk yg tidak ingin anak ialah menggugurkan kandungan. Kehamilan juga boleh dicegah dgn menyekat spermatozoa drpd mendekati telur dan juga menyekat telur drpd mengeluarkan benih ovari. Pencegahan juga boleh dilakukan dgn mengubah lapisan peranakan supaya telur yg disenyawakan tidak dpt membiak. Kaedah *mucus* pula mengajar wanita utk mengenal pasti waktu cecair nipis yg melimpah bertali-tali kpd cecair pekat dan tebal selepas terjadinya ovulasi. Inilah kaedah semuajadi drpd mengambil pil-pil perancang yg akan menjejaskan kesihatan sewaktu usia menjangkau. Bagi wanita yg tidak tahu cara utk melihat *mucus* kaedah ini berguna utk melihat *mucus* sama ada diperingkat awal (*beginning mucus*), pertengahan (*fertile mucus*), atau peringkat akhir (*most fertile mucus*). Pada mulanya, masukkan beberapa jari ke dalam vagina sehingga terasa menyentuh serviks. Serviks ibarat kita menyentuh hujung hidung dan akan terasa lembut. Setelah melalui ovulasi, serviks akan bertukar menjadi lembut, tinggi dan sukar utk menyentuh, terbuka dan basah. Utk mengingati serviks berada di peringkat akhir, (most fertile mucus) Cuma perlu mengingati satu perkataan iaitu 'S.H.O.W '(soft, high, open, wet). Tujuan melakukan perbuatan ini adalah utk mengetahui masa yg sesuai utk melakukan persetubuhan diantara lelaki dan perempuan. Apa pun, sebelum anda melangkah ke dunia rumahtangga , nilaikan dgn sedalam-dalamnya risiko dan tanggung jawab anda sbg seorang individu, keperibadian anda, dan seterusnya hidup yg akan anda lalui. Dalam hidup manusia hanya tiga perkara yg anda perlu punyai iaitu keyakinan diri (iman), harapan dan cinta. Tetapi yg paling agung ialah cinta dan kasih sayang. Jgn musnahkan cinta dan kasih sayang ini yg hanya satu shj dlm hidup anda. Bak kata seorang teman, seronok hanya sekejap tetapi kesannya berpanjangan. 9 bulan beb!, itu pun belum tentu masuk waktu berpantang selepas melahirkan lagi. Bukan mudah hamil sewaktu usia muda sedangkan diri masih belum bersedia baik dari segi fizikal, mental, zahir dan batin. Kehamilan adalah aspek penting dlm pembangunan keluarga kerana menerusi proses inilah baka dan zuriat dpt dihasilkan untuk mengembangkan masyarakat dan umat. Persiapkan diri untuk melaluinya!

Yasmin Idrus, Butterworth, Penang.
yasmin@earthdome.com.

MARXISME DAN AGAMA. "Agama adalah candu bagi manusia" – Karl Marx.

Fikir

Saya akan membahaskan bahawa marxis adalah agama. Jika pegangan ini benar maka Marx dengan penyataan di atas telah mengutuk pegangannya sendiri. Bagaimana anda menakrifkan agama? Anda mungkin boleh berkata sebuah agama adalah berkaitan dengan "Yang Maha". Walau bagaimanapun, ada yang tidak memegang *formal religious convictions* tetapi masih menganggap diri mereka spiritual dan mungkin menggariskan mereka dengan alam semulajadi atau kemanusiaan, melampaui batas tradisi kebudayaan. Seorang Marxis boleh dikatakan sebagai seorang yang ingin masyarakat mengubah sistem pengelasan kepada masyarakat tanpa batasan. Tidak wujud cara yang mudah untuk menakrifkan agama. Pelajar-pelajar keagamaaan telah berusaha untuk menakrifkan agama dengan dua pendekatan iaitu : *"substantive"* dan *"functional"*. Definisi *"substantive"* memilih ciri-ciri fahaman dan ajaran agama tersebut. Satu contoh definisi *"substantive"* ialah "Semua orang beragama yang taat sembahyang" Malangnya definisi *"substantive"* boleh memberi masalah fahaman disebabkan perbezaan antara tradisi yang luas. Contohnya, maksud agama umumnya akan mengatakan agama-agama mempunyai 'Tuhan Esa' i.e YHVN, Brahma, Allah,dll tetapi definisi ini secara automatik akan mengeluarkan Buddha yang tidak mempunyai Dewi Esa. Saya mencabar anda untuk mengemukakan saya definisi *"substantive"* yang mengaitkan semua tradisi yang kita angap sebagai agama tetapi mengeluarkan Marxis. Definisi *"functional"* melihat kepada apa kesan agama kepada penganutnya. Walau bagaimanapun, mereka sering dituduh terlalu kabur dan kebanyakan semua kesimpulan diambil dari mereka. Contohnya, definisi *"functional"* mungkin mengatakan bahawa bahawa agama memberi seseorang *'a sense of belonging to a particular group'*. Seseorang akan rasa seperti sebahagian daripada sebuah pegerakan sejarah kemanusiaan sepeti di gereja katolik juga di parti komunis. Seiringan dengan itu , contoh teperinci definisi *"functional"* dalam aksi penyokong bolasepak juga boleh diterima!. Cara yang terbaik untuk menakrifkan adalah untuk mencari sebuah model untuk mendefinisikan agama yang cukup fleksibel untuk menerima semua yang kita selalunya dianggap agama. Salah satu cara yang mahsyur ialah definisi keagamaan 7 dimensi Ninian Smart. Ia adalah satu model yang melihat kepada 7 definisi *"substantive"* (dimensi) dan jika sesebuah tradisi bertepatan dengan kriteria daripada kebanyakan dimensi, mereka boleh disebut sebagai agama.tujuh dimensi tersebut adalah: dimensi praktikal dan ritual-contohnya upacara sembahyang katolik. Dimensi *"experiential and emotional"*-contohnya gerun, esa . Dimensi naratif - sejarah Yahudi (kedua-duanya sejarah dan mistik tersirat didalam Torah) Dimensi fahaman dan falsafah contohnya fahaman tentang taubat melalui seorang hamba yang terseksa. Dimensi akhlak dan undang-undang contohnya Syariah dan perintah kelakuan 5 Buddha, dimensi sosial dan institusi contohnya gereja, idol, ganges, dll. Smart mengingatkan kita bahawa tidak semua dimensi wajib dikira sebagai tradisi untuk menganugerahkan status agama – hanya kebanyakan. "Biasanya mereka ada pergerakan keagamaan atau

mereka penjara yg besar, hukuman kerana pencerobohan komputer yg kecil atau direct action jika politik mereka maju menentang sistem.

Bagaimana dgn Afghanistan? Dan perang 'menentang keganasan'?
Annie: Saya tak tahu untuk memikirkan tentang Afghanistan. Yang jelas, Taliban ialah sebuah kerajaan yg dasyat, tetapi Pakatan Utara iaitu yg membantu mengambil alih negara itu juga mempunyai rekod hak asasi manusia yg teruk. Tentang perang 'menentang keganasan', ianya sebuah konsep yg menggelikan hati. Manusia menerima keganasan kerana mereka miskin dan tertekan dan mereka nampak tiada pilihan lain utk keluar dari situasi yg memeritkan. Pergi untuk memerangi keganasan menjadikan kumpulan mrk ini yg terdiri daripada 'pengganas' datang drpd kemiskinan dan bertambah lagi tertekan, dan melebihi had kemampuan mereka utk keluar drpd situasi itu. Saya tak dpt bayangkan apa-apa hasil kerana pengganas adalah lebih kreatif dan sukar dijejak. Juga Amerika Syarikat juga mempunyai sejarah yg panjang tentang pembabitan dalam penajaan keganasan, jadi mereka ini hipokrit dan pembohong besar juga.

BLOODPACT

Andy: Usaha itu nampaknya terus melawan simptom atau penyakit drpd menyembuhkan punca keganasan itu. Bom-bom yg mereka gugurkan hari ini akan menyemai benih ganas itu untuk generasi pengebom berani mati. Saya tak rasa lebih selamat, tindakan kerajaan ini nampak lebih berisikokan yg saya akan terbunuh drpd melindungi saya.

Hey, lirik anda hebat dan menarik perhatian. Adakah kamu semua betul-betul mengikuti anarkisme dan juga benda-benda seperti itu?
Andy: Saya tak pernah menghabiskan buku atau belajar tentang subjek itu. 'Politik' kami datang drpd pengalaman hidup kami, jadi saya fikir ianya lebih mendalam drpd rata-rata idea radikal spt itu.

Boleh anda bayangkan apa yg kamu buat sekarang, jika anda tidak didalam hardcore punk, tidak didalam Bloodpact,...bla..bla..bla..
Annie: Punk ialah bahagian yg besar didalam hidup saya, dan saya telah terlibat dengannya dlm satu arah atau lebih untuk lebih dari 10 tahun. Ianya sukar utk berfikir apa akan terjadi didalam hidup saya dgn tanpanya. Saya tak pasti apakah saya boleh hidup tanpa setiap malam saya habiskan masa pergi menghadiri persembahan atau latihan kugiran kami, dan semua masa kami habiskan utk tour atau trip ke pesta atau persembahan di negeri kami. Saya mungkin akan membaca lebih banyak jenis buku dan lebih byk menonton TV.

> "Bom-bom yg mereka gugurkan hari ini akan menyemai benih ganas itu untuk generasi pengebom berani mati..."
> -Andy

Andy: Saya juga berfikir begitu, ianya terlibat dlm kebanyakan aspek kehidupan saya, dan ianya memberi semangat dlm semua bahagian hidup saya. Prinsip anti-autoriti saya telah berjalan begitu dalam sekali.

Hm, boleh saya tanya sedikit tentang perkara peribadi? Adakah anda Andy dan Annie adalah pasangan kekasih dan sedang dilamun cinta? Maaf ya.
Andy: Ya, kami hidup bersama dan kami tinggal bersama kira-kira sudah hampir 5 tahun.

Bila kamu mahu datang untuk *tour* disini...Malaysia?
Annie: Saya memang bercita-cita untuk bermain di Malaysia satu hari nanti!. Musim panas 2003 mungkin akan menjadi masa yg sesuai untuk kami, sedang projek permainan yg saya sedang kerjakan akan disiapkan ketika itu, dan Andy juga akan tamat belajar.

Kata-kata akhir dari Bloodpact, mungkin sedikit kata-kata 'hikmat', haha...
Andy: Jgn mengikut sgt US sebagai 'model' untuk bagaimana hardcore patut menjadi begini atau begitu, ianya mungkin satu sikap lama, tapi yg paling penting ialah kita perlu beritahu cerita sebenar kita dan buat keputusan sendiri untuk lakukan sesuatu. *International hardcore rules!*. Terima kasih.


Demikianlah tadi interbiu yg agak ringkas tapi padat bersama BLOODPACT. Anda boleh menghubungi mereka secara terus menerusi alamat dibawah. Andy juga menjalankan urusan label rekodnya, Plusminus records. yg mempunyai byk rilisan-rilisan hardcore yg bagus. Apapun, cubalah BLOODPACT, anda pasti tidak menoleh kebelakang lagi!

BLOODPACT
C/O Andy,1
+/- Records,
PO Box 7096,
Ann Arbor, MI 48107,
United States Of America.
Tel:(734)741-0813
email: kids@plusminusrecords.com

"demokrasi bukanlah hanya satu perkataan untuk dipekikkan setelah itu ditaruh kembali ke dalam perpustakaan apabila pilihanraya sudah selesai"
-Theodor Roosevelt

Interbiu

Yeah, anda seorang penggemar Old School yg punya elemen Fast HC yg lebih laju dari Alex Yoong?. Nah, dari Michigan, Amerika mereka datang dan setelah mendengar EP mereka, *(A)bastardization* yg cukup hebat membuatkan aku tidak berlengah untuk menemuramah kugiran ini. Melihat kpd sleeve kaset, nampak macam satu lagi kugiran anarko 'wargh! wargh!', rupanya jangkaan aku meleset. Idea-idea dan kritikan mereka kepada dunia agak menarik, mereka Old School dan politikal. Andy dan Annie, 2 pasang kekasih didalam kugiran ini menjawab gosip-gosip mengenai mereka -*editor*



Firdaus: Hai Andy dan Annie!. Perkenalkan diri anda, apa peranan anda dlm kugiran Bloodpact?

Andy: Saya Andy, saya menyanyi, dan kadang-kadang saya bermain gitar ketika rakaman lagu.

Annie: Saya Annie, dan saya bermain gitar bass. Juga Pat dan Mike bermain gitar, dan Dustin bermain drum.

Bloodpact, nama yg bagus. Ada maksud istimewa?

Annie: Ianya kerana sebuah filem Jackie Chan yg berjudul 'Bloodpact'. Ianya sebuah filem yg biasa, tapi ianya mempunyai logo yg hebat, jadi kami gunakannya utk kugiran kami. Tiada apa-apa yg istimewa.

Beritahu saya dan pembaca tentang sejarah kugiran Bloodpact ini?

Andy: Kami bermula pada 1998 apabila kugiran lama saya, Earthmover telah dibubarkan. Kami mahu membuat sebuah kugiran yg bercakap sesuatu perkara secara terus, dan bermain dgn pantas dan laju. Kami merakamkan 7" bersama-sama. Lepas itu pemain drum kami bertukar, dan kami merakamkan split 12" bersama Varsity dan melakukan tour yg kecil bersama mereka. Kami juga merakamkan 01101 MCD dan split 7" bersama Reaching Forward. Selepas kami menjelajah eropah dgn Ruination, pemain drum baru itu dan gitar telah keluar, digantikan semula oleh pemain drum yg lama itu bersama 2 gitaris baru. Kami juga merakamkan split 7" bersama dgn Time X dari Portugal pada musim panas ini.

Apa matlamat anda ketika memulakan Bloodpact?

Annie: Ketika itu, ada byk kugiran mosh-metal sahaja di tempat kami dan jika mereka politikal pun, pemikiran politik mereka terlalu sempit;-tentang perkara biasa vegan sxe. Kami begitu marah dgn dunia dan kami punya byk perkara yg berbeza utk diperkatakan, dan kami menjadi muak dgn semua kugiran yg bercakap benda yg sama sahaja dan kami mahu lakukan sesuatu yg berbeza. Kami amat berharap lirik kami dan perkara yg kami cakapkan diatas pentas akan difikirkan oleh orang lain, dan kami akan membawa sedikit sebanyak kepelbagaian muzik kepada semua.

Jika saya tak silap, Annie juga bermain bass untuk sebuah lagi kugiran bernama 'Trephine'. Saya juga memiliki CD kugiran itu. Muziknya bagus...*metalcore in your face!*

Annie: Yeah, Trephine adalah kugiran pertama yg saya bermain didalamnya. Jika kamu suka Trephine, kamu juga mesti suka kugiran metal gitaris kami, The Plague dan Saprogenic.

Kenapa kamu memilih judul "(A)bastardization" utk rilisan ep kamu?. Ada sebab-sebab tertentu?. Nampak semacam ada perkara istimewa...ianya juga rilisan yg bagus...

Andy: Bila kami merakam rekod itu, ianya betul-betul menjadi seperti yg diharapkan, seperti susunan muzik yg baik di kedua-dua bahagian dan juga pembungkusan yg baik. Dan mengambilnya lalu memadankannya dgn CD atau kehilangan maknanya, atau 'membastardkannya'!. Tapi sekarang saya fikir tentangnya, dan CD itu terbit dgn baik dan terbitan kaset juga mengagumkan. Mulanya saya ingat kami hanya membuat CD utk budak-budak hardcore US yg malas utk membeli vinyl. Tapi sekarang saya akui yg ianya lebih penting yg ianya berguna utk mereka yg berada di negara yg tidak mempunyai pemain rekod vinyl dengan mudah. Jadi judul yg asli itu nampaknya agak kelihatan 'sombong', dan saya menyesal kerana judul itu, kerana saya sedar yg saya amat menghargai scene hardcore antarabangsa dgn penghargaan yg tinggi.

Andy, anda juga menjalankan urusan Plusminus records. Selain itu, ada kerja yg lain?. Bagaimana dgn anda Annie?

Andy: Saya masih belajar untuk menjadi seorang mekanik automotif, membaiki kereta.

Annie: Saya bekerja sebagai pengatur cara disebuah syarikat yg membuat video games. Sekarang saya sedang bekerja utk menyiapkan permainan untuk Playstation 2 dan X Box.

Andy: Dan kami juga sedang bekerjasama bersama rakan-rakan kami untuk membuka satu kedai rekod DIY dan tempat untuk persembahan dan gig.

Apa pendapat kamu tentang tragedi 11 September?

Andy: Ianya sukar utk bercakap tentang perkara ini, orang ramai mahukan ianya menjadi hitam dan putih. Sudah tentu ianya 'tragedi' kerana ramai org yg terkorban. Dan juga ianya tragedi kerana US melayan manusia di seluruh dunia dgn teruk dan hanya terrorism menjadi agenda mereka. Ia juga begitu menakutkan kerana kerajaan sudah dan akan terus mencabut hingga ke akhir segala kebebasan kami, sekarang mereka boleh mengintip rakyat Amerika, atau menuduh rakyat dgn keganiasan dan memberikan manifestasi dimana antara salah satu dimensi adalah amat lemah seperti tidak wujud. Buddha moden, menumpukan kepada pemikiran, akhlak, dan falsafah "*pay scant regard*" kepada dimensi kisah Buddha" (Smart: Tradisi Lama dan Perubahan Moden) Marxis mempunyai kebayakan dimensi dalam definisi model ini. Ia mempunyai dimensi fahaman seperti seseorang harus percaya kepada asas prinsip saintifik. Ia sememangnya mempunyai dimensi secara ritual seperti Hari Buruh, ucapan SWP (Parti Pekerja Sosial) yang membosankan, di perayaan keagamaan yang membosankan dipanggil pembantah. Didalam dimensi emosi, ia mempunyai emosi "antarabangsa" dan "komitmen perubahan". (Smart) Dimensi akhlak – perpaduan. Dimensi institusi oleh parti. Dimensi artistik "lagu-lagu keberanian" (Smart) dan patung-patung, serta lukisan agung tentang raja-raja yang zalim. Dimensi mitos satu lapangan sejarah bergantung kepada dialektik undang-undang - sejarah keramat seperti yang terdapat di dalam Torah. Kesimpuannya, bagi saya adalah Marxis boleh "tarred" dengan berus keagamaan. Oleh itu jika agama adalah candu bagi manusia, begitu juga marxis tetapi tidak mengikut seperti yang lain. Ia hanya perlu ke mesyuarat SWP untuk membuktikan tersebut. (Mind youth SWP elok untuk remaja berumur 15 tahun apabila mereka pertama kali mempunyai kesedaran berpolitik). Dalam kata lain, adakah Kristian dalam konteks Martin Luther King merupakan candu kepada manusia?

Rujukan: **Irfan Halaqah and Study Group.**

Terjemahan dan ulasan: Imran Qazi



ISU BAHASA MELAYU. Di kalangan komuniti kita (aku lebih suka guna perkataan 'komuniti' dari 'scene'), terlalu sedikit bahan bacaan yang betul-betul dapat membuatkan kita berfikir. Disini aku ingin memuji beberapa buah zine contohnya seperti Sadis dari Abira, A Dream? oleh Zaki, Ganyang oleh Ibrahim dan DRSA oleh Fazri. Mereka bagus kerana mereka cuba dgn bersungguh-sungguh untuk memberikan 'sesuatu' untuk dimanfaatkan bersama. Aku kata bagus kerana mereka memang betul-betul bagus. Tapi aku rasa lebih elok zine-zine yang bagus yg aku sebutkan tadi lebih menekankan penggunaan Bahasa Melayu sebagai wadah perantara dengan pembaca. Bukan maksud aku untuk menolak peranan Bahasa Inggeris sebagai bahasa yang lebih global untuk semua, khususnya dalam komuniti hardcore punk global. Mungkin ada alasan dari zine terbabit yang mahukan skop edaran zine mereka lebih meluas ke luar negara. Namun aku cuba menekankan dari sudut pemahaman individu di dalam komuniti ini tentang isu-isu global dan terkini, politik kehidupan, tindak balas sosial dan keilmuan yang memerlukan pemahaman yang mendalam. Disini aku kemukan contoh beberapa penulisan zine yg bagus dan menggunakan Bahasa Melayu secara total seperti Dogged oleh Rostam dan Cintakan Aman oleh Hafeez. Nah, aku sendiri pun tidak boleh memberikan contoh-contoh yg byk kerana yg ada sekalipun hanya boleh dibilang dgn jari. Penulisan-penulisan dari luar mmg ada. Tetapi, kita tidak punya individu ataupun mana-mana pihak yang sudi menjadi penterjemah, menterjemah bahan-bahan bahasa asing kedalam bahasa kita. Kita boleh bercakap dengan kata mudah;-aku sendiri pun selalu nampak kawan-kawan yg hanya belek sahaja bahan bacaan yg diterima, tengok gambar, dan terus tak ambil peduli langsung walhal benda yang diterima itu mmg betul-betul bagus, ini kerana 'masalah bahasa'. Mungkin mereka malas untuk buka kamus. Hilang *mood* membaca. Benda ini ada dibincangkan dahulu tapi *follow-up* pasal benda ni masih kurang. Tentang kugiran-kugiran yang menggunakan bahasa ibunda, itu satu langkah yang harus dipuji. Tahniah buat Depress, Chenta Tiada Restu, AISA dan beberapa lagi kugiran-kugiran lain yg cuba mengambil inisiatif ini. Sekurang-kurangnya kita cuba untuk membina imej dan identiti kita. Kita boleh ambil contoh kugiran-kugiran seperti Man In The Shadow, Cysta Riza, Autonomia dan banyak lagi yg nampak lebih selesa untuk memberitahu sesuatu kepada pendengar muzik mereka melalui bahasa ibunda sendiri. Aku berpendapat, jika kita menggunakan bahasa ibunda kita- Bahasa Melayu, kita akan lebih merasakan secara jelas setiap butir perkataan yg kita sebutkan. 'Perasaan'...itu sesuatu yg teramat mahal. Entah, sampai sekarang aku masih tak faham kenapa ramai dikalangan kita lebih 'selesa' menulis menggunakan Bahasa Inggeris. Apa masalahnya dgn Bahasa Melayu?. Bimbang penulisan nampak biasa shj spt buku teks kerana tiada perkataan-perkataan yg bombastik?. Bombastik ke, plastik ke spastik ke itu tak penting. Yang paling utama ialah orang lain boleh faham benda apa yg ditulis. Bukannya apa pasal penggunaan Bahasa Melayu ni, poin aku sebenarnya ialah 'pemahaman' tu. Itu yg teramat penting sekali. Terpulanglah pada semua org lepas ini. Ok, sampai sini shj. Semoga tulisan ini mendapat maklum balas. Ok, gua chow dulu!

Razak Rudin, Simpang Renggam, Johor.

Infinity_reality@hotmail.com.




MENGAPA PERLU RASA DIKONGKONG?

. Budaya dan moraliti hidup adalah satu perkara yg memastikan kewujudan bangsa bumiputera di negara ini sejak generasi terdahulu. Tradisi-tradisi ini telah menjadi adat kehidupan Timur, sejak berkurun lamanya, menggambarkan keindahan budaya keseluruhannya. Walau bagaimanapun, ketaatan ataupun kepatuhan kpd moraliti hidup atau adat kebudayaan ini menjadi satu konflik bagi sesetengah rakyat negara ini. Terutamanya apabila ia diperkatakan di pihak wanita. Menyalahkan budaya timur secara mutlak membuatkan mrk berasa dikongkong. Sejauh manakah ia dpt mengongkong anda?. Mungkin byk pihak telah membicarakan hal ini. Jadi saya tidak akan menyalahkan sesiapa jika anda bosan utk terus membicarakan topik ini. Beberapa org rakan perempuan saya terus mengutarakan kebimbangan mrk dgn persoalan yg remeh-temeh berkenaan hal ini. Secara jujur, ramai org bersetuju bahwa budaya timur dan moral hidup perlu dipatuhi hanya utk satu sebab;-sbg panduan utk komuniti yg berjaya. Namun pada masa sekarang, ianya sudah menjadi spt garis panduan undang-undang bg sesetengah bangsa di negara timur. Org-org tua mewujudkan nilai-nilai murni, berharap ia dpt menghindarkan sesuatu yg buruk berlaku kpd komuniti atau masyarakat mereka. Dlm pada itu, mrk juga sentiasa mempersoalkan ttg akhlak mulia atau peradaban diantara masyarakat di negara ini. Selain itu mrk juga terus-menerus menarik minat anak-anak muda mrk utk menanamkan rasa cinta kpd kaum mereka sendiri selagi mrk hidup. Mrk berharap dgn semua itu maka ia dpt mewujudkan nilai-nilai murni (yg mrk rasakan melambangkan manusia sebenar). Ia menjadi satu kebanggaan apabila semua itu berlaku dgn baik atau berjalan dgn lancar dlm sekelip mata. Bagaimanapun, sesetengah org masih memikirkan yg mrk ini bagaikan

NARZIB "ebenbilder"
Enigma Project
Capitalism Sucks
Out Aroun' ...
Racism Sucks
PxMxCx
you heartbreakers!
X New Wave
...personal ones, that's it...even emo of you want it. For all of

dikongkong dgn nilai-nilai tersebut dan menyalahkannya secara mutlak. Mengapa persoalan spt ini wujud?. Bagi saya, masalah ini adalah menjadi kepastian ttg mentaliti kita sendiri, bukan diantara nilai-nilai dan norma-norma tersebut. Mengapa perlu dipersalahkan budaya atau tradisi-tradisi yg telah lama bertapak didlm masyarakat sejak berabad lamanya, yg mungkin telah menggariskan kehidupan kita dan secara fakta sebenarnya menunjukkan semua ini tidak hanya perlu diperkatakan utk membuatkan kita mematuhinya. Dengan itulah, saya cuba memperkatakannya kpd anda disini bahawa semua ini bukanlah bagaimana utk bertoleransi dgn nilai-nilai tersebut tetapi ialah bagaimana utk kita menguruskan cara berfikiran kita yg sebenarnya. Cuba kita lihat dari sudut yg berbeza, tidakkah anda terfikir bahawa walau apa lapangan yg kita pilih, kita harus berfikir secara rasional dan munasabah sebaik mungkin agar kita dpt mencapai keputusan terbaik spt yg diinginkan. Mungkin kata-kata boleh membantu anda dlm mempelajari proses membuat keputusan, 'mentafsir - menganalisis - membuat keputusan - bertindak' :- saya telah mempelajari semua ini dlm pembelajaran memandu ketika saya cuba utk mendapatkan lesen beberapa bulan yg lepas tapi ia sebenarnya amat berguna dlm membantu saya membuat keputusan ttg sesuatu terutama yg terlalu memeningkan kepala. Mungkin saya spt org gila mengajar anda semua ttg semua perkara itu bukan?. Tetapi rasional saya fikir ada eloknya langkah-langkah tersebut dalam mengatur kita dlm membuat keputusan. Jadi ignlah asyik mempersoalkan persoalan yg bodoh kpd diri sendiri, yg sebenarnya semudah langkah-langkah tersebut utk mengetahui jawapannya. Jika anda mahu melakukan sesuatu, anda seharusnya melihat dari setiap aspek, jadi anda tidak akan tersilap lengkah. Mengenai nilai-nilai murni dan norma-norma (spt yg saya sebutkan tadi) biarkanlah ianya terus begitu tetapi fikirkanlah terlebih dahulu tentang baik dan buruknya yg akan berlaku kpd anda jika anda melakukannya. Mengapa anda hanya tidak mengendahkan shj tradisi-tradisi tersebut buat sementara ketika anda perlu melakukan sesuatu yg kontra terhadapnya demi kebaikan anda sendiri atau selepas anda membuat kata putus kpd semua masalah yg akan anda hadapi yg anda tetap lakukannya. Anda mempunyai hak utk membuat keputusan yg terbaik utk diri anda sendiri. Oleh kerana itu saya tidak bersetuju dgn peribahasa melayu yg berbunyi "biar mati anak jgn mati adat". Tidak, saya samasekali tidak bersetuju dgn kata-kata tersebut krn saya merasakan yg kehidupan ini lebih penting berbanding adat tersebut. Ia adalah sesuatu yg tak masuk akal utk mengorbankan kehidupan yg indah hanya semata-mata demi adat yg tidak berfaedah. Saya pasti ianya adalah sesuatu yg amat sukar bagi setiap pasang suami isteri utk melahirkan bayi mrk dan lebih sukar ketika membesarkan mrk dgn ajaran yg sempurna dan akhlak mulia dan lain-lain. Sebenarnya, ia bukanlah suatu kewajipan atau keperluan utk mengakhiri sebuah kehidupan hanya utk mengelakkan adat-adat tersebut drpd lenyap atau hilang. Mungkin ianya hanya salah satu cara org-org tua bagi menarik minat manusia menghormati dan menghadapi nilai-nilai murni tersebut. Walau bagaimanapun, pendapat tersebut amat ketara dan norma-norma tersebut pastinya tidak terbanding dgn apa sekalipun krn kebudayaan dan kehidupan adalah terlalu jauh bezanya dr segi definisinya. Disinilah anda dpt lihat bagaimana sebuah kesilapan dlm membuat keputusan melenyapkan nilainya. Oleh itu, anda haruslah meyakinkan diri sendiri dlm membuat yg terbaik bagi apa jua yg anda lakukan dan mengongkong pemikiran anda dgn budaya tradisi dan nilai-nilai tersebut. Selagi mana anda dpt menerima nilai-nilai tersebut yg menggarisi kehidupan anda, teruskanlah tetapi jgn endahkannya jika ia merosakkan kebahagiaan anda sendiri. Fikirkanlah jln yg anda sendiri dpt menerimanya. Dalam hal ini sebenarnya, saya fikir mentaliti anda sendiri yg mengongkong diri anda sendiri bukanlah nilai-nilai tersebut atau budaya tradisi. Jangan tetapkan minda anda dgn pemikiran yg kolot dan lapuk, mungkin anda memerlukan sebuah evolusi utk menghasilkannya. Walau bagaimanapun, segala-galanya terserah kepada anda dan anda berhak melakukannya dgn cara anda yg tersendiri.

Nur Farhana, Chendering, Terengganu.
Sejah_tera@hotmail.com.



AUKU ZALIM?.

Saya cuba mengemukakan sesuatu yang menarik dan tidak disedari ramai mengenai kebangkitan pelajar dalam tahun-tahun 70an dan pada masa ini, di mana kebangkitan kedua-dua era itu mempunyai faktor pendorong yang sama. Bagaimanapun, kesedaran politik di kampus-kampus mengalami kemerosotan apabila kerajaan menguatkuasakan Akta Universiti Kolej dan Universiti (AUKU) untuk menghapuskan aktiviti politik di kampus. "Tetapi kesemuanya berubah dengan pemecatan Anwar yang penuh dramatik dari jawatan Timbalan Perdana Menteri dan di ikuti dengan pemenjaraan beliau pada September 1998, yang mencetuskan gerakan Reformasi". Berkaitan dengan kejadian kebakaran di Universiti Malaya itu siasatan Jabatan Bomba dan Penyelamat menunjukkan kebakaran Dewan Tunku Canselor (DTC), Universiti Malaya (UM) kemungkinan besar berpunca daripada sistem pendawaian elektrik yang lama dan melebihi kadar yang dibenarkan. Sebelum itu, mereka menggambarkan kebakaran DTC adalah akibat perbuatan khianat dan tidak menolak juga kaitannya dengan pelajar-pelajar militan. Siasatan Jabatan Bomba menyatakan kebakaran 29 Jun itu "disebabkan oleh sistem wayar elektrik yang lama dan bukan kerana dibakar atau perbuatan khianat".

Bebas Tanpa Syarat : Dalam masa seminggu selepas kebakaran itu, dua orang pelajar telah ditahan di bawah ISA (bagaimanapun seorang telah dibebaskan dengan syarat). Bagi saya ianya adalah tidak jelas sama ada penahan mereka mempunyai kaitan dengan kebakaran itu ataupun tidak. Kata Perdana Menteri Mahathir Mohamad ;- "Saya sangat dukacita, nampaknya pelajar-pelajar Melayu menjadikan universiti sebagai medan penglibatan politik mereka yang difokuskan kepada kegiatan anti-kerajaan, Sedangkan pelajar-pelajar bukan Melayu menumpukan perhatian kepada pengajian,". Jadi, sebagai seorang pelajar dan mahasiswa kita seharusnya mempunyai sikap penentangan yang cukup kuat terhadap akta yang zalim ini. Kerajaan sekarang melihat akan keadaan ini sungguh kuat terhadap penentangan yang di lakukan oleh pelajar. Mungkin juga akta ini akan lebih diperketatkan lagi untuk menghalang pergerakan pelajar-pelajar khususnya.



dari bersambung #1... kekayaan buat kroni dan anak bini ketika masih lagi di tampuk kuasa. Tak hairanlah Bush sudah berhabis entah berapa puluh juta dolar US untuk kempen pilihanraya presiden Amerika sebelum ini. Itu belum diperkirakan dengan skandal terbaru Dick Cheney dan Bush sendiri dengan Enron Corporation, gergasi multinasional Amerika yang punya rangkaian bisnes terhebat disana. Semuanya kerana wang bukan?. Namun mengenai 11 September, walaupun seluruh perasaan ditumpahkan untuk memberikan kata simpati keatas tragedi itu, ianya tidak dapat menggambarkan kesengsaraan manusia yang dilanda tragedi penindasan seluruh dunia. Kita mungkin boleh bercerita dengan sadis mengenai 3,000 orang yang terbunuh di New York dan Pentagon, namun kita tidak dapat mendiamkan bisikan hati kecil kita yang berkisah mengenai hampir sejuta bayi mati di Iraq saban tahun akibat sekatan ekonomi oleh celaka babi PBB dan Amerika. Siapa dapat menutup kisah-kisah sedih seperti itu?. Seluruh dunia sengsara dan dilanda malapetaka. Sebut sahaja Kashmir, Pattani, Palestin, Moro, Zimbabwe, Zapatista, Acheh, Timur-Timor, Sri Lanka, Nepal, ah terlalu banyak untuk dicatatkan. Dunia semakin kejam kerana tangan-tangan yang tersembunyi itu. Entah bila semua ini akan berakhir. Dan tindakan kita, jangan duduk goyang kaki sahaja. Kesedaran? tak cukup hanya dengan kesedaran. Mulakan dan usahakan sesuatu. Apa kesudahan dengan Afghanistan?. Saya berharap bumi yang kaya dengan gunung-ganang itu akan memulakan sesuatu yang baru, akan mendapat keamanan, walaupun hanya sementara kerana mungkin Hamid Karzai akan mengerah mereka pula untuk membina projek saluran paip Amerika itu namun moga-moga satu hari nanti bumi Afghan yang secara sejarahnya mula dibuka ketika zaman Khalifah Umar Ibn Al-Khattab itu mampu membebaskan dirinya dari belenggu kerajaan boneka Karzai dan syaitan Amerika. Satu harapan dan keazaman!

Revolusi Kaum Hawa : Dari dapur ke medan tempur. Saya meminjam naskhah *Panji*, sebuah majalah politik nasional Indonesia dari seorang pak cik yang berniaga di sebelah kedai emak saya. Keluaran naskhah itu sudah lama iaitu pertengahan 2001 namun isu yang satu ini dipersembahkan dengan begitu hebat, idealis dan begitu menginspirasikan. Saya memuji penulisan intelek mengenai kaum hawa ini, ianya dikupas sebegitu ilmiah dan membangkitkan rasa hormat pada kaum hawa. Jarang penulisan ini diketemukan dalam jagat penulisan di Malaysia. Walaupun sebegitu, *Panji* tampak seperti jurnal politikal hanya untuk golongan elit sahaja. Dan revolusi lagi? Hehe, memetik kata-kata Soekarno "Revolusi Indonesia tak akan habis", memang manusia terkadang perlu revolusi diri dan pemikiran jika reformasi yang terhasil daripada tuntutan perubahan sekitar tidak dapat mengubah seorang individu itu. Mengenai Revolusi Kaum Hawa itu tadi, memang zaman globalisasi ala kapitalis ini menuntut segenap kudrat untuk bersaing. Siapa sahaja tak kira wanita dan lelaki. Dan memang inilah saatmu wahai perempuan, persis seperti diramalkan oleh John Naisbitt dan Patricia Abundance dalam Megatrend For Women:From Liberation To Leadership, 1992. Maka Simone de Beauvior, seorang feminis Perancis boleh membawa idea *the second sex* (perempuan adalah warga kelas dua) ke liang kuburnya. Meskipun ada yang masih mengeksploitasi keindahan tubuh perempuan, secara umumnya wanita tidak lagi menjadi objek. Wajah manis, tubuh cantik, serta otak cerdas pantas mengisi ruang-ruang pekerjaan dipelbagai tahap yang biasa disesaki oleh kaum Adam. Wanita juga sibuk dengan agenda modernisasi. Modernisasi telah menyingkap tabir mengenai siapa perempuan itu sebenarnya, yang mungkin telah mengikis adat dan tradisi yang sesetengah perempuan moden merasakan mereka terbelenggu dengan semua itu yang membelit eksistensi perempuan selama berabad-abad. Khusus di Malaysia, kemerdekaan dan serbuan revolusi dalam komunikasi dan maklumat telah ikut mempercepat revolusi cara pandang, pola pemikiran, dan gaya hidup golongan hawa. Nilai-nilai sosial yang berkembang pesat telah menghadirkan wacana baru tentang wanita (baca:feminisme) yang mahu tidak mahu harus diakui semua. Tapi paling menarik untuk dibicarakan disini ialah peranan wanita dalam struktur pemerintahan. Wanita sebagai pemimpin sebuah masyarakat. Dunia sudah diketemukan dengan kepala-kepala negara dan pemimpin parti rakyat yang terdiri daripada wanita;- Margaret Thatcher, Benazir Bhutto, Corazon Acquino, Megawati Sukarnoputri, Sonia Gandhi, Wan Azizah dan sekian ramai lagi. Dalam skop politik Malaysia pula, pemerintah BN mungkin lebih bersikap liberal tentang penerimaan wanita sebagai pemimpin dan wakil parti, ini dapat dilihat sejak dahulu lagi wanita diberi kesempatan dan peluang untuk sama-sama merencana agenda politik dan negara. Parti pembangkang terbesar PAS pula nampak tidak konsisten dalam penerimaan mereka terhadap calon dari kalangan muslimat mereka, sejak merestukan Khadijah Sidek dalam hal semacam ini. Mungkin ada benarnya juga hujah parti ini dahulu bahawa mereka masih belum bersedia untuk memberi restu kepada wakil muslimat mereka kerana faktor yang pelbagai;-antaranya adalah aspek tanggung jawab wanita terhadap keluarga yang memerlukan pembahagian masa yang begitu banyak untuk membesarkan anak-anak dan melayan suami. Jika tidak, masakan anak lelaki kepada Menteri Pemberdayaan Perempuan Indonesia (Menteri Hal-Ehwal Wanita mungkin jika di Malaysia), Khofifah Indar Parawansa sanggup memprotes tindakan bondanya yang terpaksa sibuk dengan hal ehwal parti semasa berkempen pilihan raya hingga tidak sempat menguruskan rumah tangga dan pulang ke rumah dengan menggantung kain rentang di depan rumahnya yang berbunyi "Ibu, bubarkan saja partinya sebab ibu tak pernah pulang!". Begitu juga dengan kes yang berlaku di Kuala Krai, Kelantan sekitar tahun 80-an (jika saya tidak silap) dimana skuad Pemuda Tahan Lasak Umno telah membuat samseng dengan tidur dan membuat kacau di beranda sebuah rumah seorang muslimat bakal calon PAS. Mungkin masanya telah berubah, dimana baru-baru ini PAS telah membenarkan seorang muslimat untuk mewakili mereka didalam pilihanraya 2004 nanti melalui restu Majlis Syura Ulama mereka. Juga mungkin satu gimik poltik untuk meraih simpati pengundi wanita yang dikatakan kerap menentukan kalah-menang sesuatu pertandingan (kajian menunjukkan pengundi atas pagar lebih ramai dikalangan kaum hawa), namun ini bolehlah dikatakan satu lagi kejayaan dan pengiktirafan kepada martabat kaum hawa. Peluang untuk menguasai dan memimpin tampuk pemerintahan, satu peluang untuk terus lantang bersuara. Memetik kata-kata Rosalind Delmar, seorang pemikir feminis ternama,;-"feminisme mencuba untuk mentransformasikan posisi perempuan dari objek pengetahuan kepada subjek yang tahu. Mereka berani bersuara lantang, yg sebelumnya ibarat mustahil dilakukan- meskipun didalam iklan-iklan di televisyen perempuan sering lebih dihadirkan sebagai selonggok daging yang dasyat untuk memancing mata hadirin untuk kepentingan perdagangan". ****nota: Kena pula dengan soal kaum hawa ini, bacalah juga tulisan Yasmin Idrus dan Nurfarhana di ruangan Kolum-Kolumnis yang mengupas pelbagai persoalan yang meributkan pemikiran kaum perempuan.*

> "...Modernisasi telah menyingkap tabir mengenai siapa perempuan itu sebenarnya..."

> "...Maka Simone de Beauvior, seorang feminis Perancis boleh membawa idea *the second sex* (perempuan adalah warga kelas dua) ke liang kuburnya..."

Ulama : Imam atau makmum politik?. Media massa sekali lagi meributkan kontroversi. Kali ini sasaran mereka adalah Persatuan Ulama M'sia (PUM) yang dibejati dengan konflik mengenai memorandum...**bersambung #2**